


NADI Insan

NOVEMBER 1981
KDN 0088/81
ISSN 0126-9364
\$1.00.



*Wawancara:
Latiff Mohidin*

(Penyajak dan Pelukis)

EKONOMI TERBUKA TERUS BERGANTUNG

- Masalah Harga Barang Utama
- Negeri Thai Terus Diperlacurkan
- Karya Rendra Dipentaskan
- Cerpen: Surat Dari Patani
- Perkembangan Sastera Di ASEAN



gambar: Dennis Lau

NADI Insan

BLIANGAN 31

NOVEMBER 1981

Para pembaca dilingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau sidang Redaksi majalah ini.

Penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAÑ)
 Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
 Redaksi : Dr. Mohd. Nasir, Mohd. Daud, Dr. Jomo
 Pelukis : Jaseni, Lim.
 Pencetak : Champion Printers Sdn. Bhd.
 Pengedar : The New Straits Times Press (M) Bhd., Jln. Riong, K.L.

- | | |
|---------------|---------------------------------|
| ekonomi | 3 Ekonomi Bergantung Tetap |
| | Menanggung |
| nasional | 11 Mahathir Dan Cabaran Politik |
| | Negeri |
| carpen | 13 Surat Darì Patani |
| wawancara | 15 LATIFF MOHIDIN |
| antarabangsa | 22 Politik THAI Terus Bergolak |
| | katun 30 |
| sudut sastera | 35 Konsep Kebudayaan ASEAN |
| | 36 Kartini |
| buku | 37 Vrauwen Van Indonesia |
| seni | 39 Perjuangan Suku Naga |

Latiff Mohidin, seniman luarbiasa — pelukis, penyair. Iku tilah wawancara NI dengan penulis Sungai Mekong, abang kepada Anak Alam dan pemenang hadiah puisi Malaya antarabangsa.



Walaupun Muang Thai tidak pernah dijajah oleh mana-mana penjajah Barat, pergantungan negara Thai terhadap Amerika Syarikat setelah Perang Dunia II sudah nyata. Dan perlacuran negara itu juga membawa kesan-kesan buruk, termasuk bertambahnya pelacur sendiri.

Pergantungan ekonomi kita kepada ekonomi Barat, terutama sekali melalui pengeluaran bahan-bahan mentah, pernah membawa manfaat serta penderitaan kepada ekonomi kita. Kemelesetan ekonomi Barat kini sedang mengugat kedudukan ekonomi kita.



Perkembangan sastera di ASEAN telah dibahaskan baru-baru ini oleh beberapa sasterawan yang mewakili beberapa arus. Pementasan drama Rendra — Perjuangan Suku Naga — di Kuala Lumpur baru-baru ini merupakan tanda yang menggalakkan dalam medan seni.

**JIMATKAN WANG
NADI TERUS
KE RUMAH
Insan ANDA**

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$5.50 \$10.00
Anda menjimatkan .50s \$2.00

Di Luar Negeri Mel Mel
Biasa Udara

Asia Tenggara —	MS16	MS24
Asia Selatan,		
Asia Timur, Australia		
New Zealand —	MS16	MS28
Timur Tengah,		
Eropah ——————	MS16	MS36
(£ 4)	(£ 9)	
Afrika, Amerika —	MS16	MS44
(USS8)	(USS22)	

(Langganan Setahun)

Pena Penyunting

Baru-baru ini, Belanjawan Negara bagi tahun 1982 telah dibentangkan dalam Parlimen oleh Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia. Isi kandungan Belanjawan serta *Laporan Ekonomi* yang diterbitkan bersama mencerminkan kesulitan ekonomi yang dihadapi sekarang. Sudah jelaslah bahawa masalah ekonomi kita ini adalah akibat dari kemelesetan yang sedang dialami oleh ekonomi-ekonomi Barat. Walaupun tidak boleh dinafikan bahawa pergantungan ekonomi kita pernah juga membawa kesan-kesan lain yang lebih manis, pembangunan ekonomi nasional yang tulen harus membolehkan kita berdikari, bukan mempelbagaikan pertalian pergantungan seperti telah berlaku selepas Merdeka hingga sekarang.

Dalam keluaran *N*/ ini, kami cuba meneliti kesan-kesan tertentu dari kemelesetan ekonomi Barat, terutama sekali dari segi kemerosotan harga barang-barang utama kita. Di samping menyedari kesan-kesan yang berkait

dengan harga barang-barang ini, kita juga harus mengikuti sikap dan pendirian negara-negara maju, terutama sekali Amerika Syarikat, terhadap Dunia Ketiga, termasuk Malaysia sendiri. Dua peristiwa yang baru berlaku patut mengingatkan kita mengenai kepentingan-kepentingan yang terlibat. Pada bulan September lalu, A.S. telah mendedahkan kukunya dalam Persidangan Undang-Undang Laut di mana ia telah menarik balik persetujuannya terhadap deraf awal undang-undang itu semasa pemerintahan Carter dahulu. Pada bulan Oktober pula, A.S. telah menarik diri dari Persetujuan Timah Antarabangsa yang Keenam. Sikap degil ini jelas menunjukkan bahawa pendirian bertolak ansur oleh negara Dunia Ketiga tidak dapat berjaya. Masanya untuk mengambil pendirian yang jauh lebih tegas sudah tiba.

Semoga sdr. pembaca dalam keadaan sihat walaifat. Sekian. Selamat Membaca. **N**

EKONOMI BERGANTUNG TETAP MENANGGUNG

Suria Hamid

Setahun telah pun berlalu sejak Belanjawan Negara untuk tahun 1981 dibentangkan di Dewan Rakyat. Pada penghujung bulan Oktober, Belanjawan Negara untuk tahun 1982 dibentangkan pula.

Dalam masa satu tahun yang lalu, dua perkembangan penting telah berlaku di bidang ekonomi negeri kita. Pertamanya ialah pelancaran Rancangan Malaysia Keempat (RM4) pada awal tahun ini. Perkembangan Kedua ialah keadaan kemerosotan yang agak teruk yang dialami oleh ekonomi negara.

Berbanding dengan keadaan dalam masa lima tahun yang lalu (1976–1980), perkembangan ekonomi negara dalam tahun 1981 bolehlah disifatkan sebagai tidak baik. Ini bermakna bahawa RM4 telah bermula pada tahun di mana ekonomi negara sedang mengalami masalah yang paling buruk sejak tahun 1974–1975.

Keupayaan ekonomi Malaysia dalam menghindarkan kesan buruk dari krisis ekonomi dunia kapitalis sudah pun terjejas.

Kejayaan Terbantut

Dalam masa lima tahun yang lalu, ekonomi Malaysia telah berjaya pada keseluruhannya menghindarkan kesan buruk dari kemelesetan ekonomi dunia kapitalis. Dalam tempoh RM3 (1976–1980), ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 8.6% setahun, kadar pengangguran menurun dari 7.8% kepada 6.4% dan jumlah lebih dalam imbangan pembayaran sebanyak \$6,500 juta merupakan satu rekod baru.

Sebahagian besar dari kejayaan

ini adalah berpunca dari harga barang utama (seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan balak) yang tinggi, dan hasil dari eksport petroliam. Kedua-dua faktor ini mempunyai kesan yang dramatik ke atas ekonomi Malaysia yang pada keseluruhannya masih bergantung kepada ekonomi dunia antarabangsa.

Tetapi pada tahun ini, keadaannya telah berubah. Perkembangan ekonomi Malaysia yang pesat dan berterusan selama lima tahun lalu nampaknya tidak dapat dilanjutkan pada tahun ini. Keupayaan ekonomi Malaysia dalam menghindarkan kesan buruk dari krisis ekonomi dunia kapitalis sudah pun terjejas.

Sekarang, negara ini sedang mengalami masalah-masalah ekonomi yang sering dialami oleh kebanyakan negara Dunia Ketiga: Keluaran Dalam Negeri Kasarnya (KDNK) berkembang dengan lembab sekali; akaun semasa

sukutuhan pertama (Jan – Mac) 1981, harga barang-barangan utama mengalami kejatuhan yang lebih besar. Masalah ini nampaknya berterusan sehingga bulan September lalu.

Sebagai contoh, harga getah telah jatuh dari paras yang tinggi sebanyak \$3.43 sekilo pada suku-tahun pertama 1980 kepada \$2.66 di pertengahan bulan Mei, 1981 dan terus jatuh lagi ke paras \$2.28 di penghujung bulan Julai lalu. Pada penghujung bulan September lalu, harga getah masih lagi di paras \$2.30 sekilo.

Paras harga getah ini adalah jauh lebih rendah dari apa yang diramalkan oleh pihak Kerajaan. Sebagai contoh, *laporan Ekonomi 1980/1981*, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, meramalkan bahawa harga getah pada tahun 1981 akan meningkat ke paras \$3.20 sekilo.

Walaupun pihak Kerajaan telah

dalam imbangan perdagangannya mengalami defisit yang besar, kadar inflasinya meningkat tinggi (Lihat NI 29), belanjawan negara turut mencatat defisit yang besar dan pendapatan sebenar sebahagian besar dari penduduknya mengalami kejatuhan.

Harga Barang Jatuh

Kemerosotan ekonomi Malaysia telah bermula pada pertengahan tahun lalu apabila harga barang-barangan utama, khususnya bijih timah, kelapa sawit, getah dan kayu balak mula jatuh. Dalam

mengambil beberapa langkah tertentu untuk menstabil harga getah, tetapi harga getah masih lagi berada di paras yang kira-kira 20% lebih rendah dari harganya pada tahun lalu (Lihat artikel seterusnya untuk perbincangan lanjut mengenai perkara ini).

Kejatuhan besar dalam harga barang-barangan utama ini telah membawa pula kesan buruk ke atas tingkat pengeluaran dan imbangan perdagangan negeri ini.

Hasil Eksport Merosot

Menurut anggaran dari Bank

Negara, hasil eksport negeri ini terus berkurangan dalam suku pertama tahun ini. Pada suku-tahun keempat tahun 1980, hasil eksport telah berkurangan pada kadar 2.3% setahun. Tetapi, pada suku-tahun pertama tahun ini, kadar kejatuhan hasil eksport ialah 7.5%.

Kejatuhan hasil eksport ini bukan disebabkan oleh kejatuhan harga barang utama sahaja. Kejatuhan dalam jumlah barang utama akibat dari pengurangan permintaan dari negara-negara pengguna turut juga menyumbang kepada kejatuhan hasil eksport.

Defisit Dagangan

Kejatuhan dalam hasil eksport ini seterusnya telah menjasakan kedudukan imbangan perdagangan negeri ini. Dalam suku-tahun pertama 1981, lebihan dagangan (iaitu eksport melebihi import) seluruh

pembayarannya bagi kali yang pertama sejak tahun 1967.

Sekiranya, ramalan tersebut didapati benar, ini bermakna bahawa kita telah membuat lebih banyak pembayaran kepada dunia luar daripada apa yang kita terima dari mereka. Keadaan ini, jika berterusan, merupakan satu pertanda yang menunjukkan bahawa keadaan sesebuah ekonomi itu adalah tidak sihat.

Apabila sektor eksport ekonomi Malaysia mengalami kemerosotan, maka prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1981 turut terjejas. Pada Hari Belanjawan bulan Oktober lalu, pihak Kementerian Kewangan telah meramalkan bahawa KDNK negeri ini akan berkembang pada kadar 7.6% dalam tahun 1981.

Tetapi, dengan beberapa perkembangan yang telah berlaku dalam setengah tahun pertama

Sektor barang galian mengalami pengurangan pengeluaran yang lebih besar. Berbanding dengan keadaan setahun dulu, pengeluaran sektor ini telah mencatat kejatuhan sebanyak 9%. Ini adalah disebabkan oleh kejatuhan 12% dalam pengeluaran minyak mentah dan kejatuhan 4% dalam pengeluaran bijih timah.

Sektor pembuatan pula mengalami pertumbuhan yang amat lembab. Pada suku-tahun pertama tahun 1980, sektor ini telah berkembang pada kadar 14.3% setahun. Tetapi, pada tahun ini, kadar pertumbuhannya telah menurun kepada 3.1% sahaja. Keadaan ini seharusnya menimbulkan keimbangan kerana sektor pembuatan adalah sektor utama yang mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam beberapa tahun yang lalu.

Di samping itu, kita juga mendapati bahawa kemerosotan

Sektor pembuatan telah jatuh dari 14.3% tahun 1980 kepada 3.1% bagi tahun ini dalam kadar pertumbuhannya.

Malaysia hanyalah berjumlah sebanyak \$491 juta berbanding dengan \$1,685 juta pada waktu yang sama tahun lalu.

Lebihan dagangan bagi Semenanjung Malaysia bagi suku-tahun pertama itu adalah kecil sekali, iaitu sebanyak \$82 juta saja. Malah, menurut perangkaan terbaru dari Jabatan Perangkaan, Semenanjung Malaysia telah mengalami defisit dagangan (iaitu import melebihi eksport) yang besar sebanyak \$788.7 juta dalam setengah tahun pertama tahun ini. Ini adalah satu perubahan terbalik di mana dalam tempoh yang sama tahun 1980, ianya mencatat lebihan dagangan sebanyak \$1,530 juta.

Keadaan ini sudah tentu akan menjasakan kedudukan imbangan pembayaran negeri ini. Ada juga pihak yang telah meramalkan bahawa ekonomi Malaysia akan alami defisit dalam imbangan

tahun 1981, banyak pihak merasakan bahawa ramalan itu terlalu optimis. Seorang wartawan *Far Eastern Economic Review* merasakan bahawa dalam tahun 1981, ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 6% sahaja.

Pengeluaran Merosot

Maklumat terbaru mengenai kedudukan pengeluaran diberbagai sektor memang tidak menggalakkan sekali. Dalam suku-tahun pertama tahun ini, jumlah keluaran dalam sektor pertanian dan perhutanan tidak mengalami pertumbuhan apabila dibandingkan dengan keadaan pada waktu yang sama tahun lalu. Sekiranya jumlah keluaran sektor itu dalam suku-tahun pertama 1981 dibandingkan dengan jumlah keluaran pada suku-tahun ke4 1980, ia menunjukkan kejatuhan sebanyak 8%.

ekonomi dunia kapitalis kali ini bukan sahaja telah membawa kesan buruk kepada sektor barang utama kita, bahkan turut melemahkan sektor-sektor penting yang mempunyai potensi untuk tumbuh dengan pesat.

Kadar-syarat Dagangan Jatuh

Satu lagi perkembangan yang tidak sehat pada tahun 1981 ialah kejatuhan dalam kadar-syarat dagangan — iaitu satu ukuran menunjukkan hubungan di antara harga barang eksport dengan harga barang import kita. Ini berlaku kerana harga barang yang kita import telah naik dengan kadar yang lebih pesat daripada kenaikan barang eksport kita.

Akibatnya, pendapatan sebenar negeri kita akan terjejas. Dengan perkataan lain, walaupun kita mengeluarkan barang eksport yang

lebih, tetapi oleh kerana kejatuhan dalam kadar-syarat dagangan kita, maka kuantiti barang import yang boleh dibeli dengan menggunakan hasil jualan eksport kita akan berkurangan.

Menurut maklumat yang terbaru, dalam suku-tahun pertama 1981, kadar-syarat dagangan untuk semenanjung Malaysia telah jatuh sebanyak 22%. Oleh kerana sektor eksport-import menyumbang separuh dari KDNK negeri ini, maka kejatuhan kadar-syarat dagangan ini pasti akan mengurangkan kadar pertumbuhan sebenar ekonomi kita.

Penerima Faedah

Sementara rakyat negeri ini merasa gelisah dengan keadaan ekonomi kita yang kurang sehat ini, terdapat juga pihak yang akan mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan. Mereka itu adalah bank-bank antarabangsa. Dengan defisit yang besar dalam belanjawan negara serta kemungkinan yang imbang-an pembayaran turut mengalami defisit, maka pihak Kerajaan mungkin terpaksa berpaling kepada bank-bank antarabangsa untuk memperolehi pinjaman. Sekiranya ini berlaku, maka bank-bank antarabangsa yang 'terlibat' akan memperolehi faedah.

Penutup

Masalah yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia pada tahun 1981 masih belum berakhir. Kemerosotan ekonomi dunia kapitalis masih berterusan. Barubaru ini telah tersiar berita-berita yang mengatakan bahawa ekonomi Amerika Syarikat masih belum lepas dari keadaan kemerosotannya.

Ini bermakna bahawa masalah-masalah ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita mungkin menjadi bertambah meruncing. Oleh itu, Belanjawan Negara untuk tahun 1982 mempunyai peranan penting dalam menghadapi cabaran ini. **NL**

Harga Getah Jatuh, Pekebun Kecil Gelisah

Walaupun getah bukan lagi merupakan eksport paling utama ekonomi kita, tetapi lebih kurang 4 juta orang rakyat negeri ini masih lagi bergantung kepada pengeluaran getah sebagai sumber mata pencarian hidup mereka. Sebahagian besar dari mereka ini — kira-kira 400,000 keluarga (ataupun lebih kurang 3 juta orang) — adalah pekebun-pekebun kecil getah. Sumbangan besar mereka terhadap pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan. (Lihat *Nadi-Insan* 7).

Namun demikian, keadaan hidup mereka adalah jauh dari memuaskan. Sebahagian besar dari mereka adalah merupakan keluarga miskin. Menurut RISDA, pada tahun 1980 kira-kira 78% dari semua keluarga pekebun kecil getah memperolehi pendapatan kurang dari \$200 sebulan (lihat jadual 1). Dengan mengambil kira bahawa garis kemiskinan pada tahun itu ialah kira-kira \$250 sebulan, maka kita dapat bayangkan bilangan keluarga miskin di kalangan pekebun-pekebun kecil getah.

Harga Getah Jatuh

Angka pendapatan yang disebut di atas tadi adalah berasaskan kepada harga getah yang agak tinggi yang diperolehi pada tahun 1980. Pada puratanya, harga getah RSS 1 di pasaran getah dunia pada tahun itu ialah \$3.07 sekilo. Malah, pada bulan Februari tahun itu, harga getah telah meningkat kepada \$3.69 sekilo.

Tetapi, sebagaimana diketahui umum, harga getah adalah tidak

stabil, kita masih lagi ingat bagaimana harga getah telah jatuh kurang dari \$1.00 sekilo pada penghujung tahun 1974. Keadaan ini serta kenaikan harga barang-barang telah mencetuskan tunjuk perasaan di Baling dan beberapa tempat lain di Kedah, Perak dan Pahang. Berhadapan dengan keadaan yang agak tegang itu, kerajaan terpaksa melaksanakan satu rancangan untuk menstabilkan harga getah yang telah menelan belanja sebanyak

Jadual 1:

PENDAPATAN PEKEBUN KECIL DARI PENGETAHUAN GETAH PADA BULAN DISEMBER, 1980

Kelas Pendapatan

Peratusan Pekebun Kecil (%)

\$1-\$50	10.56
\$51-\$100	25.72
\$101-\$200	41.40
\$201-\$300	14.48
\$301-\$400	3.92
\$401-\$500	1.53
\$501 ke atas	2.39
Jumlah	100%

Sumber: *Star*, 4 Ogos, 1981

kira-kira \$300 juta.

Sejak 1975, harga getah telah meningkat dengan agak pesat (lihat Rajah 1). Ini adalah disebabkan

kali gula (yang berharga 95 sen) atau sekati ikan kembung (yang kadang-kadang berharga sampai \$2.00). Maka tidaklah hairan sekira-

Rajah 1:

HARGA GETAH ASLI

(Harga purata setahun \$ sekilo)

Harga sekilo (\$)	3.50	3.00	2.50	2.00	1.50	1.00	175	176	177	178	179	180
Julai 31 '81.						1.37		1.99		2.03		2.30
2.27							3.07		2.46			

Sumber: Star, 4 Ogos, 1981

oleh 'pemulihan semula ekonomi negara-negara perindustrian dan ke-naikan mendadak harga minyak yang telah melemahkan kedudukan industri getah tiruan. Tetapi, keme-lesatan ekonomi negara perindustri-an yang berlaku sejak tahun 1979 telah sekali lagi menyebabkan ke-jatuhan harga getah yang besar pada tahun ini. Sehingga bulan Julai yang lalu, harga getah telah jatuh se-banyak 20% kepada \$2.46 sekilo. Walaupun harga ini tinggi berbanding dengan paras harga pada tahun 1978, tetapi kita jangan lupa baha-wa harga barang-barang keperluan telah meningkat sebanyak kira-kira 20%. Sekiranya kita mengambil kira kesan kenaikan harga barang, maka harga \$2.42 sekilo sekarang ini hanyalah bernilai \$2.05 pada 1978 — lebih rendah dari harga pada tahun tersebut!

Akibat dari kejatuhan harga getah ini ialah kemerosotan penda-patan pekebun-pekebun kecil getah dan ini telah merumitkan lagi keadaan hidup mereka. Peratusan keluarga miskin di kalangan mereka juga turut bertambah.

Penderitaan Pekebun Kecil

Harus diingatkan bahawa hampir semua pekebun kecil getah mem-perolehi harga yang lebih rendah dari harga pasaran antarabangsa. Kebanyakan getah gred dua dan tiga yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil getah hanya dapat dijual dengan harga antara 80 sen ke 90 sen sekati. Ini bermakna bahawa sekati getah sekarang ini tidak lagi boleh dapat membeli se-

nya pekebun kecil getah sering mengeluh dan merasa gelisah pada masa ini.

"Bagaimakah kami nak hidup dalam keadaan seperti ini", tanya seorang pekebun kecil getah di Kedah. Beliau menghasilkan kira-kira $1\frac{1}{2}$ pikul dalam sebulan. De-nungan harga sebanyak \$82 sepikul sekarang ini, maka pendapatan bulanannya sekarang hanyalah \$130 saja. Menurutnya pada tahun lalu, ia mendapat sekurang-kurangnya \$160 sebulan.

"Jadi pendapatan saya telah kurang \$50 tapi harga barang terus naik macam roket. Teruklah kami jika keadaan ini berterusan", ia mengeluh.

Penderitaan yang dialaminya itu mencerminkan kerumitan hidup yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah yang lain. Me-

nurut seorang pegawai di Pusat Penyelidikan Getah, "Dalam masa enam bulan yang lepas, harga getah telah jatuh dengan teruk sekali sehingga pekebun-pekebun kecil mengalami kerugian sebanyak 60 sen sekilo". Menurutnya lagi, "Per-bezaan harga yang besar ini ber-makna pengurangan pendapatan bulanan sebanyak 10% hingga 20% kepada pekebun kecil yang berpen-dapatan di antara \$100 ke \$200 se-bulan". Dan mereka mengalami masalah ini dalam keadaan di mana kadar inflasi negeri ini melebihi 10% (lihat Nadi Insan, 29).

Tangan Kerajaan Terikat

Berhadapan dengan masalah ini, pekebun-pekebun kecil getah telah merayu súpaya kerajaan mengambil tindakan segera untuk meningkatkan dan menstabil harga getah se-perti yang dilakukan pada tahun 1974 dulu. Tetapi pada kali ini, kerajaan tidak boleh berbuat demikian kerana ia terikat dengan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa, 1979 (INRA). Menurut INRA, se-lagi harga getah tidak jatuh ke paras \$1.79 sekilo pihak kerajaan tidak boleh campur tangan secara lang-sung untuk meningkatkan harga getah. Hanya apabila harga getah berada di bawah paras minima ter-



Anak bini ikut menelong

sebut barulah pihak kerajaan dibenarkan membeli getah di pasaran dan menubuh stok penimbang untuk meningkat dan menstabil harganya. Walaupun perjanjian ini nampak elok dari segi tiori, tetapi dari segi praktik, ia tidak dapat menolong pekebun-pekebun kecil yang sedang dalam kesusahan.

Oleh kerana terikat dengan perjanjian itu, maka tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk meningkat serta menstabil harga getah adalah terhad. Satu langkah yang telah diambilnya ialah mengarah agensi kerajaan seperti Mardec dan RISDA memulakan stok penimbang kecil mereka sendiri.

Pada awal bulan Ogos yang baru lalu, kerajaan telah mengumumkan satu langkah baru, iaitu meminda struktur duti (cukai) ekspot getah untuk menghapuskan manipulasi dan membantu meningkat serta menstabil harga getah. Menurut struktur lama, duti ekspot getah hanya dikenakan apabila harga getah mutu baik melebihi \$1.34 sekilo. Bagi mutu kurang baik, duti ekspot dikenakan apabila harganya melebihi \$1.54 sekilo. (Harga \$1.34 dan \$1.54 itu dikenali sebagai "harga permulaan") Di samping itu, struktur lama adalah berdasarkan kepada A gred getah. Pindaan yang diumumkan itu telah melibatkan pembatalan sistem dua harga permulaan dan digantikan dengan satu harga permulaan sahaja, iaitu \$1.54 sekilo. Ia juga mengurangkan jenis gred getah dari sembilan ke tiga, sembilan gred yang digunakan sebelum pindaan itu ialah RSS 1, RSS 2, RSS 3, SMR CV, SMR L, SMR 5, SMR 10, SMR 20 dan SMR 50. Tiga gred baru yang digunakan sekarang ialah: (1) harga gred terbaik RSS 1 bagi RSS 1 dan 2, SMR CV, SMR L dan beberapa jenis getah mutu baik yang lain, (2) harga getah kurang baik RSS 3 bagi gred RSS yang lain dan SMR 5, dan (3) harga SMR 20 bagi gred SMR yang lain yang tidak disebut dalam (1) dan (2).

Langkah Baru Untungkan Estet

Walaupun YBM Tengku Razaleigh merasa yakin yang langkah baru ini akan membantu meningkatkan pendapatan para pekebun kecil, tetapi beberapa pihak merasakan bahawa langkah baru ini lebih menguntungkan sektor estet. Menurut mereka, perubahan paras harga permulaan bagi getah mutu baik dari \$1.34 ke \$1.54 sekilo telah mengurangkan beban cukai yang dibayar oleh sektor estet. Menurut satu anggaran, duti ekspot

sebabnya Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil telah mengesyorkan supaya harga permulaan bagi getah mutu kurang baik dinaikkan kepada \$1.87 sekilo.

Nampaknya, langkah baru kerajaan adalah lebih bertujuan untuk menggalakkan sektor estet meningkatkan pengeluaran getah mereka. Tindakan ini adalah selaras dengan usaha kerajaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menggalakkan pengeluar getah menambahkan pengeluaran mereka.



Mata pencarian pekebun kecil

getah yang perlu dibayar oleh estet setelah pindaan baru ini telah jatuh dari 37.95 sen ke 32.45 sen sekilo bila harga getah berada di paras \$2.42 sekilo.

Dengan pengurangan bayaran duti ekspot ini, maka langkah baru kerajaan akan dapat membantu sektor estet mengurangkan beban kenaikan kos pengeluarannya yang dianggarkan meningkat sebanyak 10% sejak tahun 1979. Walaupun kos pengeluaran pekebun kecil telah juga meningkat, tetapi harga permulaan bagi getah mutu kurang baik tidak berubah. Itu

keyakinan yang dibuat oleh Tan Sri Rama Iyer, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, juga menunjukkan kecenderungan pihak kerajaan. Menurutnya, harga permulaan yang baru akan mengurangkan perbezaan di antara kos pengeluaran getah dengan kos pengeluaran kelapa sawit. Dengan itu, pemilik estet akan kurang terdorong untuk menukar penanaman getah mereka kepada kelapa sawit.

Dari perbincangan di atas, kita dapat bahawa masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil getah masih berterusan, dan pada ketika

ini, boleh dikatakan serius. Nampaknya, masalah yang mereka hadapi sekarang ini adalah berkaitan dengan langkah-langkah pihak

pemerintah untuk memajukan industri getah di negeri kita. Oleh itu, untuk mengatasi sebahagian besar masalah pekebun kecil getah,

penilaian semula harus dilakukan ke atas rancangan-rancangan kerajaan yang melibatkan nasib mereka.

Punca Masalah Minyak Kita

Johari Hj Ismail


Polisi minyak Kerajaan Malaysia ialah mengekspot minyak mentah yang tinggi mutunya kepada negara-negara perusahaan maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun dan kemudiannya mengimpot minyak mentah yang rendah mutunya dari negara-negara Timur Tengah bagi kegunaan dalam negeri. Apa yang telah berlaku dalam masa sepuluh tahun lalu menunjukkan akibat polisi tersebut. Dalam jangka masa tersebut kenaikan harga dan kekurangan bekalan bahan tersebut di negara ini sudah menjadi perkara biasa.

Alasan yang telah diberi oleh kerajaan terhadap perlaksanaan polisi tersebut adalah kerana Malaysia belum lagi mempunyai kemudahan untuk menapis minyak mentah keluaran tempatan. Kerajaan juga telah memberi alasan bahawa kilang-kilang penapis minyak kepunyaan Esso dan Shell yang terdapat di negara ini enggan untuk menapis minyak mentah Malaysia secara besar-besaran bagi kegunaan dalam negeri. Alasan ini menunjukkan bahawa Kerajaan sendiri mengakui bahawa ia tidak mempunyai kuasa untuk menentukan kegunaan minyak mentah tempatan.

Walaubagaimana pun setakat ini kerajaan nampaknya belum berusaha dengan sepenuhnya bagi untuk mendapatkan kuasa dalam menentukan kegunaan minyak mentah tempatan. Sebaliknya ia hanya memberi alasan bahawa kilang-kilang penapis minyak yang ada di negara ini tidak berkemampuan untuk menapis minyak mentah tempatan secara besar-besaran oleh kerana sebab-sebab teknikal: Tetapi, ini tidak benar.

Mengikut seorang pensyarah di

Universiti Sains Malaysia, Dr. B.A. Hamzah "Alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh syarikat-syarikat minyak bahawa mereka tidak berkemampuan untuk menapis minyak mentah tempatan secara besar-besaran adalah merupakan satu alasan yang tidak berasas sekali.



Hakikat yang sebenarnya ialah tiada minyak mentah di dunia ini yang tidak boleh ditapis. Yang diperlukan ialah kilang-kilang penapis yang hendak menapis minyak tersebut mestilah mempunyai teknologi yang sepadan dengan jenis minyak mentah yang hendak ditapisnya itu."

Menurut beliau lagi, soal yang sebenarnya ialah bukan kerana syarikat-syarikat minyak yang ditubuhkan di negara-negara barat itu tidak berkemampuan untuk menapis minyak mentah tempatan tetapi ialah sama ada mereka mahu atau tidak menambahkan sedikit modal lagi bagi menukar corak teknikal kilang penapis mereka bagi menampung keperluan menapis minyak mentah tempatan.

Mengikut bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, minyak mentah tempatan adalah didapati

tidak sesuai bagi kegunaan dalam negeri. Menurut beliau lagi, penapisan minyak mentah tempatan di dalam negeri hanya akan menghasilkan pengeluaran minyak diesel yang sedikit dan pengeluaran berlebihan di dalam bekalan petrol dan minyak tanah.

Alasan-alasan yang telah diberi oleh bekas Perdana Menteri ini, walaubagaimana pun, telah disangkal oleh akhbar yang berpengaruh di kalangan dunia perniagaan di negara ini, iaitu akhbar *Business Times* dalam keluarannya pada 14 Jun 1980.

Mengikut seorang penulis barat yang pakar di dalam hal ehwal minyak, O'Connor, di dalam bukunya yang bertajuk "*Empire of Oil*" pengeluaran beberapa jenis minyak yang diproses di kilang penapis boleh diubahsuai mengikut keperluan pasaran.

Beliau juga berpendapat bahawa kilang penapis yang besar-besarkan kali pun akan mampu untuk mengubahsuai pengeluaran mereka mengikut keperluan pasaran.

Kerajaan juga seringkali memberikan sebab mengapa mereka saling bekerjasama dengan syarikat-syarikat minyak — yang selama ini telah jelas memionopoli pengeluaran dan pemasaran bahan tersebut — dengan mengatakan bahawa hanya syarikat yang serupa itu sahaja yang mampu untuk menyediakan modal dan teknologi yang diperlukan bagi pengeluaran minyak.

Tetapi yang menjadi soalannya sekarang ialah sama ada benar bahawa hanya syarikat yang besar ini sahaja yang mampu untuk berbuat demikian? Jawapan adalah tidak benar.

Ini adalah pertamanya kerana

kebanyakan usaha mencari-gali minyak, sama ada di darat atau di laut, bukan dijalankan oleh syarikat-syarikat monopoli yang besar ini.

Sebenarnya, usaha-usaha mencari-gali minyak dijalankan oleh syarikat yang lebih kecil yang khusus menjalankan perniagaan mencari-gali minyak di dalam tanah atau dasar laut. Syarikat-syarikat kecil ini sanggup menjalankan kegiatan mereka apabila diberi bayaran yang ditetapkan. Ini bermakna bahawa mana-mana kerajaan di dunia ini sekali pun boleh menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat yang sederhana ini tanpa perlu melepaskan sebahagian dari keuntungan atau pengeluaran sebagai pembayaran ke atas perkhidmatan tersebut. Kerajaan-kerajaan atau mana-mana syarikat minyak yang ingin untuk menggunakan perkhidmatan ini hanya perlu membayar syarikat-syarikat ini dengan bayaran yang telah ditetapkan.

Kerajaan sebenarnya tahu akan hakikat ini. Contohnya di dalam tahun 1976, semasa satu perundingan sedang berjalan untuk mencari-gali minyak negara ini, Perdana

Menteri telah mengugut akan menukar perjanjian dari perkongsian pengeluaran kepada perjanjian perkhidmatan di mana syarikat korek dan syarikat pengeluaran yang terlibat hanya akan dibayar dengan bayaran untuk perkhidmatan mereka. Walaubagaimana pun, ini hanya tinggal sebagai satu ugutan sahaja.

Di samping itu, bukan syarikat minyak besar saja yang semestinya mampu untuk menanggung risiko dalam usaha mencari-gali minyak. Mengikut seorang pakar minyak dan galian, Michael Tanzer, anggapan bahawa hanya syarikat monopoli sahaja yang mampu untuk menanggung risiko mencari-gali minyak adalah ternyata salah. Mengikut beliau lagi ini adalah kerana selama ini tumpuan hanya diberikan kepada harga perbelanjaan mencari-gali minyak tanpa memikirkan keuntungan yang akan didapati di se suatu kawasan itu.

Beliau seterusnya memberi satu contoh andaian di mana kerja mencari gali minyak memerlukan perbelanjaan US\$10 juta dan kemungkinan menjumpai minyak bernilai US\$10,000 juta ialah 50-50. Dalam

keadaan ini, "sudah tentu tidak ada orang yang akan mengatakan bahawa sesebuah negeri itu tidak mampu untuk menanggung risiko untuk menjalankan kerja carigali", tambahnya.

Selain dari itu, Tanzer juga menerangkan bahawa risiko mencari gali minyak boleh dirancang supaya iaanya dapat diminimakan. Sekiranya empat telaga minyak perlu digali, kerja menggali itu boleh dilakukan secara bergilir-gilir — satu lepas satu. Jika dua telaga tidak menghasilkan minyak yang diharapkan, maka usaha untuk menggali dua telaga lagi itu boleh ditinggalkan saja. Dengan berbuat demikian, kerugian dapat diperkecilkan.

Pihak kerajaan selalu menyebut tentang pendapatan besar yang diperolehi oleh perusahaan minyak negara. Kerajaan juga mengatakan bahawa lebihan yang semakin besar dalam imbalan perdagangan adalah disebabkan oleh hasil minyak. Tetapi, apa yang tidak pernah di nyatakan oleh kerajaan ialah hakikat bahawa negeri ini telah kehilangan sebahagian besar hasil minyaknya kepada syarikat-syarikat minyak gergasi. **N**

Koko Yang Pahit

Satu perkara yang pasti dari suasana pasaran koko dunia yang tidak tentu ialah lebihan penawarannya. Pada akhir tahun 1981, jumlah keluaran koko melebihi permintaannya sebanyak sekurang-kurangnya 60,000 ton. Ini bermakna bahawa Malaysia, yang kini secara aktif memajukan koko sebagai tanaman ketiga — selepas getah dan kelapa sawit — akan menghadapi masa gelap dalam masa empat tahun yang akan datang. Kira-kira 68,700 hektar tanah di negeri ini telah ditanam dengan koko. Jumlah keluaran tahunan ialah sebanyak 33,000 ton dengan 28,000 ton darinya di ekspot.

Koko keluaran Malaysia adalah

lebih rendah mutunya jika dibandingkan dengan koko dari Amerika Selatan dan Afrika Barat. Oleh kerana itu, negeri-negeri pengguna koko akan lebih mengutamakan koko keluaran Nigeria, Ghana dan Ivory Coast.

Tambahan pula, Malaysia tidak menandatangani Perjanjian Koko Antarabangsa yang telah diperse tuji oleh 19 buah negara pengekspot dan 29 buah negara pengimpor koko yang umumnya menghadkan perdagangan di kalangan ahli-ahli nya sahaja.

Meski pun terdapat suasana pasaran yang tidak menggalakkan, Malaysia masih merancang untuk menanam seluas 100,000 hektar

dengan koko pada penghujung tahun 1985 dan menambah keluaran kokonya pada tahun 1980 sebanyak 13%. Alasannya ialah ia akan menjadi peimbang kepada perubahan besar dalam harga tanaman-tanaman utama.

Dalam jangka masa pendek, pasaran koko adalah lembab. Tetapi, apabila negara-negara maju pulih dari suasana ekonomi meleset yang dialaminya sekarang, permintaan ke atas koko seharusnya akan meningkat. Sime Darby (SD) — pengeluar koko yang kedua besarnya di Malaysia (iaitu selepas Harrison & Crossfield -H & C) — yakin bahawa permintaan koko akan sama dengan penawaran koko dunia pada tahun

orang ADUN yang pada mulanya disyaki terlibat dalam komploton itu kerana ini akan bermakna mengadakan 17 pilihanraya kecil. Tetapi, dalam masa beberapa bulan akan datang lebih ramai penentang-penentangnya akan dipecat sekiranya Harris mahukan satu Kerajaan yang stabil.

Sementara itu, ia terpaksa bertindak secara hati-hati kerana penentangnya mungkin akan menggunakan tektik yang telah digunakan dengan berjayanya oleh Ahli Parlimen dari Sarawak, Patrick Uren. Dua tahun lalu, Uren telah menghantar kawat kepada Speaker Dewan Rakyat menyatakan bahawa sebarang surat perletakan jawatan darinya adalah tidak sah dan tidak harus dilayan. Dia kemudiannya meninggalkan partinya dan menjadi ahli bebas. Sekiranya penentang Harris mengambil tindakan serupa ini, maka satu tenaga pembangkang yang kuat akan muncul dalam Dewan Undangan Sabah.

Penjelasan Hamid

Terdapat juga tuduhan yang mengatakan bahawa Mustapha bertanggung jawab merancang komploton itu. Tetapi ini telah dinafikan oleh Mustapha sendiri. Hamid juga mengatakan bahawa 17 orang ADUN itu hanya telah menubuhkan "pressure group" dalam Parti Berjaya dengan tujuan untuk membawa beberapa isu penting ke pengetahuan pucuk pimpinan parti. Menurutnya, pucuk pimpinan Berjaya telah bertindak tanpa berunding dulu dengan majlis tertinggi parti. Hamid juga mendakwa bahawa ramai pemimpin Berjaya sedang menghadapi masalah akibat arahan dari Kerajaan pusat supaya semua menteri mengistiharkan harta mereka.

Walaupun apa alasan Harris, tetapi tindakannya memecat pegawai kanan partinya, dan seterusnya menafikan mereka kerusi Dewan Undangan Negeri, telah

menimbulkan masalah kepada Kerajaan pusat yang memerlukan Kerajaan negeri yang stabil. Di samping itu, pilihan-rayaya kecil yang akan diadakan di Sabah akan juga mengalih perhatian pemimpin Kerajaan pusat dari tugas utama mereka untuk melaksanakan projek-projek dibawah Rancangan Malaysia Keempat.



HAJI ABDUL RAHIM

Krisis Pahang

Masalah di Pahang bermula apabila Rahim Bakar dilantik sebagai MB negeri itu pada 1978. Menurut khabar, perlantikan itu tidak diperkenankan oleh Sultan Pahang, yang sekarang ini menjadi Yang Di Pertuan Agong. Tetapi, Perdana Menteri pada masa itu, Datuk Hussein Onn, telah bertegas melantik Rahim Bakar sebagai MB. Sejak itu, Rahim Bakar telah menghadapi banyak vintangan dan tekanan. Dalam beberapa bulan ini, Pemangku Sultan Pahang telah menahan persetujuannya ke atas beberapa rang undang-undang dan ini telah menghindar perjalanan pentadbiran negeri.

Masalah yang dihadapi oleh Rahim Bakar telah menjadi lebih berat pada pertengahan bulan September lalu apabila tiga ADUN memberhentikan persidangan Dewan Negeri dengan menggunakan

isu kesilapan teknik. Ramai permerhati merasakan bahawa langkah itu bertujuan untuk memalukan Rahim Bakar. Keadaan telah menjadi lebih kusut apabila Ghazali Shafie menghantar kawat kepada Rahim memberitahunya yang ia dikehendaki menghadiri persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. Tindakan Ghazali ini menimbulkan persoalan mengenai peranannya dalam politik Pahang.

Dilemma Mahathir

Mahathir telah memberitahu pemimpin-pemimpin parti di Pahang supaya menamatkan masalah di negeri itu. Adalah dipercayai bahawa Rahim Bakar tetap akan meletakkan jawatannya. Tetapi, penggantinya bukanlah salah seorang dari tiga orang yang telah memberhentikan perjalanan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini walaupun salah seorang dari mereka, Khalil Yaakub, telah cuba menggunakan pengaruh istana untuk naik menjadi MB. Besar kemungkinan Mahathir tidak akan membenarkan seorang ahli politik yang dikuasai oleh istana memimpin Kerajaan negeri itu. Walau apapun keputusannya, perpecahan dalam UMNO Pahang akan menimbulkan masalah dalam pilihanraya umum yang dijangka akan diadakan pada tahun depan. Masalah MB Johor juga akan menimbulkan masalah dalam pilihanraya umum itu jika pihak Sultan mengambil tindakan terhadap MB dan rakan-rakannya kerana isu yang terlibat ialah rasuah.

Mahathir baru saja memegang jawatan PM kurang dari 60 hari apabila tiga masalah ini timbul. Beliau dijangka akan bertindak pantas untuk mengatasi masalah-masalah ini. Tetapi, masalah yang dihadapi adalah amat rumit dan penyelesaian yang dibuat secara terburu-buru mungkin menimbulkan masalah-masalah baru.



Surat Dari Patani

Hassan Abd. Karim

Mata Rahim memandang keluar tingkap. Panas musim bunga telah sampai. Angin sepoi Laut Hindi di musim bunga amat nyaman. Rahim membelek-belek dua keping surat yang diterimanya pagi tadi. Sebenarnya bukan dia yang menerima dari posman tapi posman yang memasukkan ke dalam biliknya, semasa Rahim di kuliah. Sesudah makan tengah hari, barulah surat-surat ini ingin dibacanya.

Surat pertama dibuka – dari emaknya. Cerita-cerita biasa dari kampung. Musim buah telah habis. Padi baru saja selesai diketam. Harga minyak tanah bertambah naik. Harga bahan-bahan makanan juga terus melambung naik. Pak Ngah dan Mak Ngah dari kampung Nibong akan berangkat ke Mekah musim haji tahun ini. Adik bongsu Yasmin telah masuk sekolah. Salmah telah lulus periksa darjah lima. Tapi Ramli kurang giat belajar. Selalu kebelakangan ini, tidak pergi ke sekolah, terutama selepas musim mengetam tahun ini. Dia selalu turun naik ke Rantau Panjang, menurut surat emaknya.

Rahim membalik-balik surat emaknya. Sudah tiga kali dibacanya dalam waktu yang singkat. Risau hati emaknya dirasakan sama. Dia anak yang sulung. Adiknya bertiga menganggap dia sebagai ayah. Ayah telah meninggal. Mati dibunuhan semasa Yasmin berumur dua tahun. Bagaimana ayahnya dibunuhan masih belum jelas. Khabar angin mengatakan ayahnya dibedil semasa pulang dari surau. Ada orang kampung yang bercerita ayahnya dibunuhan kerana dendam. Dan bermacam-macam lagi cerita yang didengar oleh Rahim setelah kematian ayahnya. Tapi Rahim yakin emaknya pasti tahu kenapa ayahnya mati dibunuhan.

Aduan dibuat kepada pihak polis. Mereka datang ambil gambar tapi kemudian semua senyap. Emak Rahim sibuk ke hulu ke hilir minta disiasat akan kematian suaminya. Banyak balai polis telah dinaiki. Pejabat Gabenor saja yang tidak diketuk pintunya. Hasil gagal. Semua senyap. Banyak juga wang yang dibelanjakan tapi tidak berhasil.

Kemudian setelah sebulan lebih dari peristiwa berdarah itu, tersebar pula berita angin baru. Khabar angin bertiup kencang, yang membedil Pak Long – panggilan ayah Rahim di kampung Jaha – ialah polis Siam sendiri. Pak Long disyaki membantu gerila di bukit. Emak Rahim tidak menafi dan tidak mengiakan. Dia berdiam, banyak-banyak cakap tidak ada gunanya, inilah falsafah emaknya.

Hingga hari ini, Rahim masih tergambar akan peristiwa ini – bagaimana mayat ayahnya ditemui di

tepi jalan. Raung emaknya masih didengari hingga hari ini. Sedu-sedu adik-adiknya masih dapat dilihatnya jelas. Semua ini tidak akan luput dari ingatan Rahim.

Kini Rahim di Karachi. Telah dua tahun di kota ini. Nasihat emaknya dia mesti belajar untuk menyambung cita ayah. Dia sedar betapa susahnya emak di kampung untuk menyara hidup dan menghantar wang kesini. Tapi nasibnya adalah agak baik kerana ada juga harta peninggalan arwah ayahnya, tidak lumayan.

Setiap kali surat emaknya sampai, hati Rahim berdebar-debar. Mungkin ada berita buruk, mungkin emaknya sakit dan macam-macam lagi di dalam kepalanya. Tapi alhamdulilah selama dua tahun ini semuanya selamat.

Berita Ramli, adiknya, selalu turun naik ke Rantau Panjang mencemaskan. Dia amat khuatir kalau-kalau Ramli terjerumus dalam kegiatan yang tidak baik. Entah-entah bercampur gaul dengan pemuda-pemuda samseng di Golok. Menghisap ganja dan candu, akhirnya jadi perompak. Rahim berdoa agar adiknya tidak bercampur dengan samseng-samseng ini.

Tapi Rahim sedar, semua penyakit masyarakat adalah akibat dari pemerintahan penjajah Siam. Mereka sengaja biarkan orang Melayu mundur dan jadi samseng. Anak-anak muda diberi ganja dan debu putih, biarkan mereka khayal. Hasilnya masyarakat Melayu porak peranda, lalu mereka lupa akan tanah air.

Rahim termenung lama. Angin di luar terus bertiup. Udara dalam kampus nyaman, terutama di musim bunga. Matanya masih terpaku pada surat emaknya. Kepalanya memikir jauh. Debar jantung emaknya dirasakan lagi. Apa akan terjadi pada adiknya?

Dengan malas surat kedua dibuka. Tanda pos di Kota Bahru – mel udara. Rahim mengenal tulisan di sampul surat, dari Suman, kawan baiknya. Suman juga dari kampung Jaha. Mereka sama-sama membesar. Sama-sama mandi telanjang di sungai di tepi kampung mereka. Dan sama-sama bersekolah pondok. Dari sekolah pondok mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam di Kota Bangkok. Mereka lulus dan boleh memasuki universiti. Tapi keluarga Suman kurang mampu untuk menghantarnya belajar ke luar negeri. Kini Suman menjadi guru sekolah pondok di Jaha – sekolah lama mereka. Untuk memasuki universiti tempatan, memang susah kerana orang-orang Melayu memang tidak diberi tempat. Mereka dianaktirikan.

Mel udara yang telah terbuka itu dibaca:

Kampong Jaha
16.4.77

Saudaraku Rahim,

Didoakan saudara berada di dalam kandungan sehat walafiat. Kami di kampung atas doa saudara bersama adalah juga di dalam keadaan sehat. Amin.

Surat akhir dari saudara telah selamat saya terima minggu yang lepas. Penjelasan saudara mengenai perjuangan rakyat Afghanistan amat baik sekali. Saya telah menerangkan pandangan saudara pada orang-orang kampung kita. Nampaknya orang-orang kampung telah mula sedar akan bahaya kuasa imperialis baru Uni Soviet ini. Sebagai umat yang sama ditindas dan berjiwa progresif adalah wajib bagi kita untuk menyokong mereka. Seperti yang telah kita bincangkan dulu, perjuangan kita mesti menyokong semua gerakan pembebasan yang anti-imperialis dan anti-penindasan.

Tapi dalam masa yang sama kita sendiri mesti menyusun baris. Baru-baru ini gerila kita telah berjaya meletup musnah sebuah lori tentera Tok Na. Tiga tentera upahan Siam dibunuuh dan lima cedera parah. Geri kita semua selamat.

Rakyat makin sehari makin ramai menyokong kita. Pemuda-pemudi bila-bila masa sanggup bergerila di bukit. Tentera Tok Na makin lemah semangat. Keadaan politik dalam negeri makin menguntungkan gerakan kita. Harapan orang kampung terhadap pelajar di luar negeri amat tinggi. Kami di kampung berdoa agar semua pelajar-pelajar Petani akan berjaya di lapangan pelajaran.

Minggu lepas saya sempat menziarahi bonda saudara. Keluarga saudara semua dalam keadaan sehat. Bonda saudara amat risau kerana Ramli selalu ke Rantau Panjang. Dan akhir-akhir ini telah beberapa hari meninggalkan kelas. Saya tidak mahu bercerita panjang dengan bonda saudara, lebih baik saya menulis pada saudara. Mengenai Ramli ke Rantau Panjang, jangan saudara risaukan. Dia kini telah memasuki gerakan kita. Dia pergi ke Rantau Panjang bukanlah untuk membuang masa, tapi kerana tugas gerakan kita. Surat yang saudara baca ini, dia lah yang mengirimkan dari Kota Bahru.

Akhirnya sampaikan salam orang-orang kampung untuk pelajar-pelajar kita di sana dan dari saya Selamat Berjuang. Wassalam.

Rahim tersenyum puas. Surat mel udara Suman tidak payah dibaca dua kali. Angin Laut Hindi di musim bunga bertiup terus. Matahari petang kian condong. Tekak Rahim terasa dahaga, dan dia memikirkan segelas lassi paling enak di waktu ini.

Suman untuk Rahim adalah tanda satu penghormatan. Seorang anak muda yang berjiwa tinggi. Kesedaran nasionalnya dalam. Semasa Peristiwa 13 Disember di mana ribuan penduduk Petani telah menunjukkan perasaan terhadap kezaliman kerajaan Siam, Suman telah memainkan peranan yang penting. Semasa itu, mereka masih belajar di Bangkok. Bila saja berita tunjuk perasaan tersebut sampai ke Bangkok, Suman terus menyusun para pelajar Petani. Ada yang ditugaskan untuk pulang ke kampung, dan yang tinggal di kota Bangkok diarah untuk menyebarkan propaganda. Rahim dan Suman sendiri terus pulang ke Petani. Dua bulan mereka di Kampung berkempen untuk menaikkan kesedaran rakyat. Peristiwa 13 Disember telah mendidek lebih ramai rakyat untuk sedar apa ertinya penindasan dan erti perjuangan. Dan menurut khutbah Suman di mesjid, perjuangan mereka berjangka panjang dan mesti banyak bersabar, sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.

Bila Rahim diterima untuk memasuki universiti di Karachi, Sumanlah orang yang pertama di beritahu berita gembira ini. Suman tersenyum dan mengucap syabas. Harapan Suman amat besar, agar Rahim dapat mencari ilmu pengetahuan demi untuk pembelaan tanah air mereka.

Di Don Muanglah, kali akhir mereka bertemu. Ingatan Rahim masih jelas lagi. Dalam hingar-bingar bunyi kapalterbang, Suman terus memberi nasihat. Tak puas-puas dia mengingatkan Rahim agar jangan lupa akan perjuangan. Dia berharap Rahim tidak akan jadi kaduk naik junjung, bila sudah ada ijazah mula lupa pada perjuangan.

Rahim merenung mel udara yang telah terbuka. Isinya belum dibaca. Rahim teringat, selama dua tahun ini, berpuluhan-puluhan surat menyurat antara mereka berdua. Surat-surat Suman dipenuhi dengan cerita-cerita dari kampung. Kisah-kisah biasa dan tidak lupa tentang hal-hal keadaan politik dan perjuangan. Melalui surat Suman, Rahim dapat terus mengikuti apa yang sedang berlaku di tanahair. Cerita-cerita kemenangan gerila selalu menaikkan semangat Rahim. Tapi kadang-kadang ada juga cerita-cerita lucu. Untuk ini, Rahim tersenyum sendiri, dia teringat surat terakhir dari Suman menceritakan hal Leman, kenalan mereka, terpaksa kahwin lari kerana tidak cukup belanja untuk kenduri besar.


Rahim pula selalu menulis hal-hal perkembangan politik semasa dan cerita-cerita kehidupan rakyat di tempatnya. Kadang-kadang Rahim ada juga menghantar bahan bacaan dalam bahasa Mat Salleh, maka terpaksalah Suman belajar bahasa Inggeris. Melalui surat menyurat ini, tali persahabatan mereka bertambah kuat dan cita mereka bertambah padu 

LATIFF MOHIDIN

Seniman Berbakat Dua

N.I.: Boleh kah sdr. ceritakan serba sedikit tentang asal-usul sdr. serta pengaruh terhadap pembentukan bakat sdr.

L.M.: Saya lahir dibandar Seremban pada tahun 1941, tidak ingat pula haribulannya. Ibu saya menjahit, membuat ketayap, serban. Kami berasal dari keluarga Minang. Mendapat persekolahan di Sekolah Melayu, Lenggeng Negri Sembilan, tidak jauh dari Seremban. Saya berpindah ke Singapura pada tahun 1949 di mana bapa saya bekerja sebagai Sheikh haji atau *pilgrim broker* di Java Road. Ketika di Singapuralah, saya didedahkan kepada dunia antarabangsa. Pada masa itu Singapura adalah dunia kepada budak seperti saya. Waktu itulah pertama kali saya melihat kapal-kapal besar, trolley bas, dsbnya. Ketika itu saya sudah mulai belajar melukis. Pada tahun 1951, saya telah mengadakan pamiran buat kali pertama secara persendirian di Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura. Bak pepatah Melayu *Kalau ada urat di tangan tu maka berbakatlah!* Bapa saya pun memperkenalkan saya kepada beberapa tokoh-tokoh pelukis Singapura seperti Si-Mahat Cik Gu Suri Muryani dan Nas Adnas... Persatuan Pelukis-pelukis Melayu mengadakan kelas-kelas pada tiap-tiap malam hari Isnin di British Council. Di sana saya banyak belajar




melukis portrait 6–10 minit dengan menggunakan kapur warna dan orang. Sebuah lukisan saya telah dibeli oleh Malcolm Macdonald. Bila Bapa saya dapat tahu, maka dia pun berkata *Ini tentu hebat sehingga orang putih pun terpikat*. Dia terus memberi saya galakan yang lebih kuat. Saya ada juga melukis portrait Ungku Aziz di pamiran Universiti Malaya, Singapura. Masa itu janggut dia belum lebat seperti sekarang. Saya juga berpeluang berkenalan dengan Adibah Amin, Lokman Musa, dll. di mana ketika itu mereka sedang belajar di Singapura.

Pada tahun 1954 saya mendapat biasiswa negeri untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah King George V Seremban (KGV). Di samping belajar saya sempat mengambil bahagian dalam pamiran-pamiran yang diadakan di Kuala Lumpur sehingga tahun 1959. Masa itu banyaklah dinding-dinding di KGV penuh dengan lukisan saya. Tahun 1960 saya diberi anugerah biasiswa oleh Republic Jerman ke Universiti Fine Arts Berlin selama 4 tahun.

N.I.: Apakah aktiviti-aktiviti sdr. selepas 1964.

L.M.: Lepas 1964, saya balik ke Malaysia. Setelah kembali pamiran pertama saya adalah di Selangor Club, Kuala Lumpur. Ketika itu tak ramai lagi pelukis mengadakan pamiran solo dengan 30–40 lukisan persendirian. Ada 2, 3 orang lain seperti Syed Ahmad Jamal dan Ibrahim Hussein. Dari 1964 hingga 1967, saya pergi mengembara di Asia melalui Laos, Cambodia, Muang Thai dan Indonesia.



Di Studio Mubau Sethakit – Bangkok, 1965.

N.I: Apakah yang mendorong sdr. untuk menjelajah di benua Asia?

L.M: Saya dah buat keputusan nak hidup melukis. Mengembara pula merupakan darah daging saya, dari kecil lagi anak perantau. Semasa di Berlin dulu, saya telah pun melawat dari Sweden hingga ke Pulau Kreta, Greece. Yang mendorong saya menjelajah ke Asia ialah minat terhadap kesenian, kebudayaan serta mengenal pelukis-pelukis Asia. Anih juga saya diperkenalkan kepada kebudayaan Asia di Berlin sebenarnya. Di sana saya di dedah kepada muzium-muzium penuh dengan barang-barang Asia seperti tembikar China, lukisan batik Indonesia, dsbnya. Masa itu kita kecil lagi manalah kita tahu itu semua. Banyak benda-benda tak nampak di Asia ini lebih jelas lagi di sana. Tahun 1965 hingga 1969 adalah tahun paling produktif di mana saya mencipta dalam segala bentuk dan bahan.

N.I.: Bilakah sdr. mula menulis puisi?

L.M: Kira-kira pada tahun 1963–1964 ketika di Jerman lagi. Hasil tulisan semua dalam bahasa Melayu.

N.I: *Sungai Mekong* telah menjadi bahan perbincangan dikhayal orang ramai. Selalunya sajak itu dikaitkan dengan nama sdr. pada hari ini. Sekarang apakah ilham sebaliknya?

L.M: Wajarlah kalau sajak itu dikaitkan dengan saya sebab itu adalah hasil karya saya. Secara ilham saya ingat itu memang bukanlah baru. Dalam sajak itu, ada rasa sepi tentang pengertian, tentang sungai, tentang pengalaman manusia di Asia yang digambarkan. Kebetulan pula, nama sungai itu Sungai Mekong, jadi banyak orang sangkutannya dengan perperangan di Vietnam, dsbnya. Saya sendiri, tanpa sedar dari mula lagi, tidak berniat menulis tentang perang, tetapi menulis tentang sungai sebenarnya, dan kebetulan pula, sungai itu panjang sehingga ke negeri Laos. Benar atau tidak, setengah orang menyatakan sajak itu sebagai suatu *prediction* tentang perang Vietnam dsbnya. Itu perkara biasa penulis itu selalunya terdahulu dalam pandangan/fikirannya hanya dengan melihat keadaan alam disekelilingnya. Saya juga mengguna Sungai Mekong sebagai simbol kesengsaraan manusia di Asia, tanpa kesedaran perperangan, secara kebetulan saja. Tapi kalau orang hendak kaitkan dengan perang itu, boleh juga kerana sajak itu berlapis-lapis, kan? Ada satu orang pula berpendapat sajak itu sexy. Saya jawab itu bagus juga kerana itu menandakan beliau seorang pembaca yang kreatif. Jadi sajak saya ini membuka pintu hati dan fikiran masing-masing?

N.I: Pada hujung 1960'an, sdr. telah menubuhkan *ANAK ALAM*. Apakah ilham sebaliknya?


L.M: Sebenarnya, tak ada ilham. Pada masa itu, di Kuala Lumpur ada beberapa orang pelukis muda yang berbakat. Mereka ini tak ada peluang belajar secara formal dan sangat minat dan dekat dengan alam semulajadi, dan subjek mereka melukis selalunya tentang keindahan pergolakan alam dsbnya. Baik juga ditubuh kumpulan ini. Ia semacam satu workshop atau bengkel seni, dan kebetulan pula, ada bangunan kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang tak *digunakan*, yang terbiar. Jadi, kami duduk disitu. Sebab saya yang tua sikit, saya dianggap sebagai abang. Tiap-tiap ahli melukis cara sendiri tanpa paksaan; tak ada subjek khusus yang di tentukan. Cuma dalam kehidupan hari-hari kita bergotong-royonglah berdikari. Saya lihat sekarang ini bakat-bakat itu semakin maju.

I: Jadi tiada usaha sebalik itu mencipta atau mempelopori suatu aliran seni, misalnya?

L.M: tak ada.

N.I: Tiadakah satu falsafah seperti yang diperjuangkan oleh Rendra, misalnya, yang cuba membawa masyarakat untuk menikmati atau menghargai alam sekitar dan cuba mempengaruhi cara hidup kita supaya lebih sesuai dan tidak bertentangan dengan alam.

L.M: Tidak, Falsafah tidak ditimbulkan secara sadar dalam kumpulan ini. *Free Expression* ditonjolkan. Tiap-tiap ahli itu ada kecintaan masing-masing yang dia sendiri mempelopori. Tak ada kesedaran perjuangan atau pun untuk mempengaruhi itu atau ini. Itu hal masing-masing — lebih tepat, mirip kepada *self development*.



Di Studio University of Fine Arts – West Berlin, 1961.

N.I: Apa pula aktiviti sdr. dalam tahun 70'an?

L.M: Agak aktif dalam sastera, ia itu 'sastera kreatif' seperti mengadakan pembacaan sajak dengan Usman Awang dan penyair-penyair lain; juga membuat manifestasi dua seni dengan pelukis-pelukis. Pergi ke Amerika Syarikat tahun 1969 selama 1½ tahun dengan biasiswa John D. Rockefeller. Tinggal di New York dan banyak membuat *print making, etching*. Sekembali dari U.S lah sebenarnya saya aktif membuat acara-acara sastera.

N.I: Semasa di New York, ada tak apa-apa pengaruh di sana kerana keadaan di sana berbeda dari di Berlin pada awal tahun 60'an terhadap usaha sdr. sendiri?

L.M: Perkara yang saya dapat lihat secara terang ialah kebebasan berseni. Itu saja yang nampak. Kebebasan untuk betul-betul mencari batas daripada berbagai cabang seni hingga ke peringkat *extreme*. Contohnya, ada satu pamiran di mana pelukis itu tidak payah melukis! Dia telanjang bulat dan berdiri dalam *art gallery*, sampai begitu sekali. Tetapi seni lain terus hidup juga. Khabarnya ada yang terjun dengan parachute sambil memain violin dan lain-lain lagi. Entahlah, ada-ada saja yang pelik. Orang-orang seni ketika ini banyak melakukan eksperimentasi di mana '*Kalau tak ada idea, itu pun boleh jadi Idea.*'

N.I: Kembali ke tahun 70'an. Sekembali dari U.S., sdr. telah bekerjasama dengan orang lain dalam usaha-usaha kesenian. Apa, sebenarnya tujuan atau maksudnya?

Di Pembacaan Puisi "WAYANG PAK DALANG"

— Kota Baru, Kelantan, 1976.



L.M: Tujuannya ialah untuk merapatkan lagi seni puisi kepada masyarakat dengan pembacaan puisi kepada orang ramai. Pembacaan dan diskusi tidak lagi tertumpu di dalam dewan. Adakala nya kami pergi ke tepi-tepi laut atau sungai, membuat Hari Sastera, dsbnya. Lama kelamaan, sudah menjadi *cliche* pula, dah semua orang pergi ke laut atau sungai. Saya dapati perhubungan dengan masyarakat banyak baiknya. Saya berpendapat sajak harus didengari oleh orang ramai. Persembahan yang pertama sekali itu agak membuat sejarah sikit. Pertunjukan diadakan di Lake Gardens, Kuala Lumpur umpamanya. Di sini, tiap-tiap hari Ahad, ada pertunjukan hiburan seperti muzik/tarian muda-mudi. Jadi bila kita baca puisi, penonton muda-mudi itu pun mengamoklah. Berlakunya kejadian ini, membuat azam kami lebih kuat, lebih tekad untuk mendekati orang ramai kepada sajak. Pada kesimpulannya boleh dikatakan orang ramai lebih suka kepada hiburan dalam bentuk muzik serta tarian dari minat mereka terhadap seni puisi/sajak.


Proses untuk mendekatkan masyarakat terus berlanjutan sehingga adanya hubungan yang lebih dekat antara pelukis, sasterawan dan dramatis. Itu titik permulaannya. Ia berlanjutan sehingga bidang teater lebih menarik terutama dalam mencipta "*setting*". Kedatangan 'theatre keliling' dari Indonesia juga membawa sedikit sebanyak pengaruh yang baik. Anak Alam mengadakan 'open theatre' secara '*improvisation*'. Di USM teknik '*Improvisation*' ini dilakukan secara lebih serius. Jadi perkembangan seni semakin rancak di Kuala Lumpur pada tahun 70'an.

N.I: Setengah orang menganggap *improvisation* yang berlaku pada awal hingga pertengahan tahun 70'an sebagai suatu tanpa tujuan yang lebih mendalam. *Improvisation for its own sake*. Apa pendapat sdr.?

L.M: Itu perkara biasa seni dan kebudayaan memang pada mula-mulanya acara bermain. Ia merupakan satu permainan tanpa sebab/tujuan. Hanya kemudian jadi serious. Kadang-kadang bila jadi serious sangat, setengah orang menjadi takut pula! Memang wajar pada masa itu, tak ada tujuan yang tertentu kerana kegirangan bermain itu mesti ujud dalam segala macam.

N.I: Kalau begitu, tidak hairanlah jika orang ramai tidak *respond* sangat. Seniman pula banyak *complain* bahawa orang ramai tidak menghargai seni dsbnya. Apakah seniman sendiri yang bertanggung jawab atas perkembangan semacam itu?

L.M: Dia begini. Kita tak boleh salahkan orang ramai, kalau mereka tak boleh faham sebagaimana kita faham sesuatu benda, tak bolehlah kita kata mereka tak mempunyai minat atau *creativity*. Yang penting di sini ialah berusaha untuk mengajak lebih ramai orang mengambil bahagian dalam persembahan bersama.



harapan


hatimu umi
rumah tua kami

setiap malam
kau rebahkan
setiap sayap mimpi
ke atapnya
— begitu berat

sebentar kami pasak sana
sebentar kami pasak sini
dari tiang ke tiang

mudah-mudahan
hatimu umi
rumah tua kami
tetap kukuh
tidak segera runtuh

kota baru februari 69






banjir

dan kemudian
hanya sebuah album tua
tersandar di atap

wajah-wajah tanpa nama
meratib
meratap

Latiff Mohidin
kuala lumpur januari 71



menentang puak "Young Turks". Sekiranya di masa depan puak "Young Turks" atau puak-puak lain berjaya mengembangkan pengaruh mereka di kalangan

rakyat Thai, maka ada kemungkinan akan berlaku satu lagi percubaan rampasan kuasa. Pada kali ini sasaran mereka bukan sahaja Prem bahkan mungkin juga raja Thai.

Sekiranya ini berlaku, perubahan besar akan berlaku dalam politik Thai. **NT**

Durian Dengan Timun Peranan AMERIKA SYARIKAT Dalam Masyarakat THAI

Selepas Field Marshal Phibun Songkhrom, seorang diktator yang memerintah Muang Thai sejak 1933 digulingkan pada tahun 1957, General Sarit Thanarat telah dilantik sebagai PM Thai yang baru. Tetapi dalam pilihanraya yang diadakan tiga bulan selepas perlantikannya, parti yang dipimpin oleh Sarit Thanarat telah mengalami kekalahan dan beliau terpaksa meletakkan jawatan PM.

Selepas itu, Sarit Thanarat telah pergi ke Washington atas alasan untuk mendapat rawatan perubatan. Tetapi, sekembalinya dari sanā, beliau telah melancarkan satu rampasan kuasa dan seterusnya membentuk satu pemerintahan tentera yang telah membawa negeri Thai semakin rapat dengan Amerika Syarikat (AS).

Pada bulan Julai 1977, General Kriangsak Chomanand — yang pada ketika itu memegang jawatan Setiausaha Agung Majlis Reformasi Pentadbiran Negara, yang ditubuhkan selepas peristiwa Oktober 1976 — juga telah pergi ke Washington atas alasan untuk menjalani pemeriksaan doktor di Hospital Walter Reed. Pada bulan Oktober tahun itu, Kriangsak telah menggulingkan pemerintahan Thanin Kraivixien, yang dianggapkan pelampau kanan. Selepas itu, Kriangsak telah memerintah negeri Thai dengan cara yang lebih liberal sehingga beliau meletak jawatan pada bulan Februari 1980.

Walaupun tidak terdapat bukti nyata tentang penglibatan terus terang AS dalam rampasan-

rampasan kuasa di negeri Thai dalam masa suku abad yang lalu, tetapi peristiwa-peristiwa menunjukkan bahawa Washington telah memainkan peranan penting dalam perkembangan politik di negeri itu. Malah, pihak ada yang mengatakan bahawa kebanyakan rampasan kuasa di negeri Thai telah dilancarkan oleh puak-puak yang telah dilatih dan diasuh oleh agensi tentera dan perisik AS.

Kenyataan ini memang sukar untuk dinafikan kerana dalam tempoh masa tersebut, Washington telah memberi sokongan kepada puak-puak yang paling reaksioner dan yang paling menindas dalam masyarakat Thai. Bantuan AS telah membolehkan pemerintah Thai membesarkan angkatan tentera dan polisnya ke peringkat yang melebihi kemampuan biasa sebuah negara kecil seperti negeri Thai. Pada waktu yang sama, bantuan ekonomi dan kebudayaan AS telah mempercepatkan proses perubahan masyarakat Thai dari sebuah ekonomi pertanian yang mampu diri kepada sebuah ekonomi yang bergantung kepada pasaran dunia dan modal asing untuk membangun.

Permulaan Campur Tangan

Hubungan AS dengan negeri Thai bermula dari abad yang ke 19. Tetapi, campurtangan secara langsung oleh AS dalam hal ehwal negeri Thai bermula selepas Perang Dunia Kedua.

Pada tahun 1950, selepas puak komunis mencapai kemenangan di negeri Cina, Washington merasakan perlu untuk mengukuhkan

pemerintahan Phibun Songkhram di negeri Thai. Pada masa itu, negeri Thai merupakan satu-satunya negeri di Asia Tenggara yang tidak menghadapi ancaman pemberontakan komunis yang serius. Pada tahun itu, CIA — badan perisik AS — telah membuat perhubungan dengan seorang general dalam polis Thai, Gen. Phao Siyanon. Perhubungan ini telah menghasilkan usaha-usaha berterusan untuk memperkuatkan pasukan polis Thai, khususnya pasukan Polis Kawalan Sempadan. Pada bulan Oktober tahun itu, satu perjanjian saling membantu antara AS dan negeri Thai telah menujuhkan *Joint US Military Assistance Command (JUSMAC)*. Melalui badan ini, Pentagon telah memberi latihan kepada tentera Thai.

Dengan kekalahan Perancis di Dienbienphu (Vietnam) pada tahun 1954, negeri Thai telah dijadikan pusat utama kegiatan AS di Asia Tenggara. Pada bulan September tahun itu, pemerintah Thai telah mengumumkan keanggotaannya dalam SEATO. Malah, negeri Thai menjadi negara anggota SEATO yang penting.

Dengan memainkan peranan tersebut, bantuan AS terus muncurah masuk ke negeri Thai. Di antara 1946—1973, bantuan ekonomi AS ke negeri Thai berjumlah AS\$600.7 juta, manakala bantuan ketenteraannya sejak tahun 1950 berjumlah AS\$1,152.3 juta.

Perkembangan Ekonomi Kapitalis

Sementara wang bantuan AS dicurahkan untuk mengembangkan pasukan polis dan tentera Thai, ekonomi negeri Thai pula semakin ditarik masuk ke bawah pengaruh AS. Washington memerlukan beras



Kereta kebal dari Amerika

dari negeri Thai, yang dulunya diekspot ke tanah jajahan British, untuk keperluan peperangannya di Korea pada awal tahun 50an.

Peningkatan dalam ekspot beras dan barang mentah yang lain telah menambahkan tukaran asing bagi negeri Thai dan telah menarik semakin ramai petani Thai untuk mengeluar bagi keperluan ekonomi dunia. Dengan berkembangnya kegiatan pertanian secara komersial, pemilik tanah kecil di kawasan padi utama di negeri Thai mendapati sukar untuk bertanding dengan pengeluar-pengeluar besar.

Akhirnya, mereka telah menjualkan tanah mereka, terutama kepada golongan peniaga dari bandar. Ini telah meruncingkan lagi masalah kelaparan bertanah dan penyewaan tanah di kawasan desa. Akibatnya, ramai petani telah berhijrah ke bandar, khususnya ke Bangkok, untuk mencari pekerjaan di industri-industri baru. Bandar-bandar di sekitar pengkalan tentera AS di negeri Thai telah menjadi pusat menyediakan pekerjaan, terutama kepada kaum wanita yang mendapat pekerjaan sebagai pelacur dan perempuan kabaret.

Corak pembangunan yang berkembang di negeri Thai sejak tahun 1950an adalah serupa dengan corak perkembangan di negara-negara Dunia Ketiga yang bukan-sosialis; keuntungan yang diperolehi dari perkembangan kegiatan pertanian secara komersial dan bantuan asing telah dilaburkan

dalam industri di kawasan bandar untuk mengeluarkan barang-barang bagi pasaran bandar. Bagi sebahagian besar petani di kawasan desa, berakhirnya kegiatan pertanian sara-diri telah meningkatkan ikatan mereka kepada pemimjam wang dan peniaga, penyewaan, ketidakstabilan dan kemiskinan.

Perkembangan ekonomi yang agak pesat serta pemerintahan tentera, yang melarang segala bentuk bangkangan, telah membolehkan pemerintah di Bangkok, buat beberapa ketika, mengabaikan konflik politik dan sosial yang timbul akibat dari perluasan jurang antara masyarakat pengguna yang agak mewah di Bangkok dengan masyarakat miskin di kawasan desa.

Pencegahan Pemberontakan

Tetapi, kemunculan konflik-konflik ini dalam masyarakat Thai telah diberi perhatian berat oleh Washington. Cara yang

dikemukakan oleh Washington untuk mengatasinya ialah dengan memperkenalkan rancangan mencegah pemberontakan (*counter-insurgency*) dalam bentuk baru. Rancangan ini mengandungi pembentukan pasukan pembangunan desa, pembinaan jalan-ray, mempelbagaikan tanaman, memberi pendidikan serta latihan tentera dan polis yang khusus.

Boleh dikatakan bahawa kegiatan menentang pemberontakan telah menjadi matlamat utama bantuan AS kepada negeri Thai. Malah, jumlah bantuan ekonomi AS kepada negeri Thai adalah berdasarkan kepada penilaian Washington terhadap ancaman komunis di negeri Thai dan Asia Tenggara. Sebagai contoh, 2/3 dari kesemua bantuan ekonomi AS kepada negeri Thai pada tahun 1974 telah dipertahankan di Konggres AS dengan menggunakan hujah bahawa kestabilan politik dan ekonomi negeri Thai — dan bukan pembangunan ekonominya — terancam.

Pada tahun 1965, satu badan pencegah pemberontakan khusus yang diberi nama Pemerintah Operasi Penumpasan komunis (CSOC) — yang sekarang dikenali pula dengan nama Pemerintah Operasi Keselamatan Dalam Negeri (ISOC) — telah ditubuhkan mengikut cadangan yang dibuat oleh Duta Besar AS ke negeri Thai pada masa itu, Graham Martin.



Tentera Thai dalam gerakan anti-komunis

Badan ini bertanggung jawab mengarah semua kegiatan tentera dan polis untuk menumpas sebarang pemberontakan. Sebahagian besar dari bantuan ketenteraan AS telah disalorkan kepadanya. Sebagai satu badan yang berotonomi, ia juga merupakan satu saloran penting bagi CIA untuk mempengaruhi badan-badan pembuat polisi dalam kerajaan Thai. Pada tahun 1974, seorang pegawai kanan CSOC telah memberitahu pihak akhbar bahawa CIA masih berkerjasama dengan badan ini.

Pada mulanya, CSOC bergerak di tiga wilayah di timur laut negeri Thai dengan peruntukan wang sebanyak AS\$600,000. Pada tahun 1980, ISOC telah menjalankan kegiatannya di hampir seluruh negeri Thai. Tiada seorang pun yang benar-benar tahu tentang jumlah perbelanjaannya. Pihak tentera sahaja telah melaporkan bahawa 'perbelanjaan mereka untuk kegiatan menentang komunis ialah kira-kira AS\$75 juta setahun.

Bantuan Ketenteraan

Hasil dari bentuk kegiatannya itu, maka dari setahun ke setahun,

bantuan ketenteraan AS kepada negeri Thai telah bertambah. Di antara 1973–1976, AS membelanjakan lebih dari AS\$150 juta sebagai bantuan ketenteraan kepada pemerintah di Bangkok. Bantuan Ketenteraan ini sebenarnya telah meningkat dari AS\$37 juta pada 1974 kepada AS\$43 juta pada 1975 dan kepada AS\$83 juta pada 1976. Pada masa yang sama, bantuan ekonomi AS telah dikurangkan dari AS\$39 juta pada 1973 kepada AS\$17 juta pada 1976.

Bagi tahun 1981, pentadbiran Reagan telah meluluskan bantuan ketenteraan kepada negeri Thai sebanyak AS\$92 juta. Di samping itu, pada bulan September 1980, *Asian Wall Street Journal* telah melaporkan bahawa "kehadiran penasihat tentera AS di negeri Thai telah meningkat semula." Sekarang ini, sebahagian besar dari alat kelengkapan tentera yang digunakan oleh angkatan tentera Thai, yang berjumlah kira-kira 210,000 orang itu, adalah dibekalkan oleh AS.

Penutup

Campurtangan AS di negeri Thai

nampaknya sedang menghasilkan keadaan dan masalah yang telah timbul akibat campurtangannya dulu di Vietnam, Laos dan Kampuchea. Tetapi, apa yang diperlukan oleh rakyat Thai bukanlah tambahan dalam bekalan senjata moden, kereta kebal, jet perang ataupun penasihat tentera AS. Apa yang mereka perlu, sepetimana yang pernah dikatakan oleh Senator Fulbright, ialah "sebuah pemerintahan yang dapat menyediakan perkhidmatan perubatan, pelajaran, baja dan benih hasil-tinggi serta tunjuk-ajar cara menggunakaninya." Mereka memerlukan sebuah pemerintahan yang cukup jujur dan tidak menindas mereka.

Putera Sihanouk pernah mengatakan bahawa "kehadiran AS menarik komunisme sama seperti gula menarik semut." Oleh itu, penilaian kritis terhadap bentuk hubungan antara AS dengan negeri Thai dan juga negeri-negeri lain di rantau ini adalah amat penting, terutama memandang kepada peningkatan semula kegiatan AS di rantau ini.

PELACURAN Untuk Pelancungan

Kerajaan Thai telah mengistiharkan tahun 1980 sebagai *Tahun Pelancungan*, yang menyusuli *Tahun Pembangunan Pertanian* pada tahun sebelumnya. Berbagai langkah telah diambilnya untuk menggalak pelancung asing datang ke negeri Thai.

Tetapi, ramai dari rakyat Thai merasa tidak senang hati dengan langkah Kerajaan mereka itu. Pelajar-pelajar di Universiti Thammasat telah mempersendakan *Tahun Pelancungan* itu dengan menulis cogankata yang berbunyi *Selamat Datang Ke Negeri Seks*.

Pelancungan di negeri Thai memang tidak boleh dipisahkan dari pelacuran. Malah, bandaraya

Bangkok memang sudah terkenal di seluruh dunia sebagai *syurga kaum lelaki*, walaupun secara resminya pelacuran masih diharamkan di negeri itu.

Masalah yang dihadapi oleh ekonomi Thai ialah di satu pihak menggalakkan perkembangan industri pelancungan di negeri itu dan di pihak lain pula telah mengakibatkan ramai dari wanita Thai terjeremus menjadi pelacur.

Peranan Pelancungan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini ekonomi Thai telah mengalami kejatuhan dalam hasil dan eksport barang pertaniannya oleh kerana musim kemarau yang berpanjangan. Di samping itu pula, kenaikan harga

minyak telah menambahkan jumlah importnya. Keadaan ini telah menyebabkan defisit dagangan yang semakin besar.

Berhadapan dengan masalah yang serius ini, Kerajaan Thai telah menggalakkan perkembangan industri pelancungan untuk mengurangkan defisit dalam imbangan pembayaran negeri itu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa industri pelancungan telah menghasilkan pertukaran (wang) asing yang amat-amat diperlukan oleh ekonomi Thai.

Pada tahun 1979, seramai 1.58 juta orang pelancung asing telah melawat negeri Thai dan ini telah menghasilkan pertukaran asing

sebanyak 9,000 juta Baht (kira-kira 1,000 juta ringgit). Kerajaan Thai telah menjangkakan yang jumlah pelancung asing akan bertambah kepada 1.7 juta orang dalam tahun 1980 dan jumlah pertukaran asing meningkat kepada 10,500 juta Baht.

Punca Pelacuran

Di samping itu pula, kelembapan dalam pembangunan sektor perindustrian negeri Thai dan kerendahan daya pengeluaran di sektor pertaniannya telah menimbulkan satu masalah lain pula. Penduduk desa, yang mendapati hidup mereka semakin sempit, telah berhijrah ke pusat-pusat bandar, terutamanya ke Bangkok, untuk mencari pekerjaan. Tetapi, kebanyakan dari mereka telah tidak berjaya mendapat pekerjaan.

Menurut satu laporan, kira-kira 61% dari penghijrah ini adalah wanita. Malah, penghijrah wanita yang berumur di antara 15 dan 19 tahun adalah dua kali lebih ramai dari penghijrah lelaki dalam lingkungan umur yang sama. Menurut satu kajian lain pula, 84% dari penghijrah wanita itu pada mulanya memasuki sektor *perkhidmatan sebagai pembantu rumah*. Selepas itu, mereka bekerja pula di rumah-rumah urut atau di tempat-tempat minuman (bar). Kebanyakan dari mereka akhirnya menjadi pelacur.


Sekarang ini, terdapat pula banyak laporan yang menunjukkan bahawa ramai dari wanita pelacur itu telah dipaksa menjadi pelacur semasa masih anak gadis sunti lagi. Gadis-gadis yang malang itu sebenarnya telah menjadi barang dagangan. "Kemiskinan keluarga mereka telah memaksa ibu bapa mereka menjual mereka (kebanyakan secara tidak disedari) kepada tuan-punya rumah lacur. Ada di antara mereka telah dijual dengan harga serendah \$120!"

Apabila terjual, mereka terus terikat dengan tuan-punya rumah

lacur itu sehingga mereka dapat menebus balik diri mereka. Selalunya, mereka terpaksa melacurkan diri mereka untuk satu waktu yang panjang sebelum berjaya melepaskan diri mereka dari cengkaman tuan-punya rumah lacur.

Latarbelakang Pelacur

Satu pengkajian ke atas 1,000 orang wanita yang bekerja di rumah-rumah urut mendapati bahawa 9 dari setiap 10 orang dari mereka berasal dari utara negeri Thai, terutama dari keluarga tani miskin di wilayah Chiengrai. Walaupun mereka menamatkan persekolahan rendah



Iklan dalam akhbar Bangkok Post

mereka selama empat tahun, tetapi kebanyakan mereka boleh dianggap sebagai buta-huruf.

Oleh kerana itu, pekerjaan yang terbuka kepada mereka hanyalah sebagai tukang urut dan pelayan di tempat-tempat minuman. Kebanyakan mereka mengirim hasil pendapatan mereka kepada keluarga mereka di kampung. 99% dari mereka mengakui bahawa mereka juga menjalankan kegiatan pelacuran untuk mendapat pendapatan tambahan. Akibatnya, lebih dari 80% dari mereka pernah mengidap penyakit kelamin (VD).

Demikianlah hubungan antara industri pelancungan dan masalah pelacuran di negeri Thai. Industri

perkhidmatan inilah yang telah berkembang pesat di negeri Thai. Sementara industri-industri lain berkembang dengan lembabnya, industri pelancungan telah berkembang pada kadar lebih dari 10% setahun.

Pada masa ini, kira-kira 5% dari penduduk wanita di bandaraya Bangkok (ataupun kira-kira 100,000 orang wanita) bekerja sebagai pelacur. Sekiranya tukang urut dan pelayan bar dihitung sama, jumlah mereka meningkat kepada 300,000 orang. Bilangan mereka ini adalah lebih besar dari jumlah pekerja wanita di sektor pembuatan!

Pendaftaran Pelacur

Baru-baru ini, seorang ahli parlimen Thai dari pihak kerajaan, telah mencadangkan supaya pelacur-pelacur di negeri itu didaftar secara resmi atas alasan untuk menyelamatkan pelacur-pelacur itu dari penindasan tuan-punya rumah lacur dan menjaga kesihatan mereka. Cadangan ini telah menimbulkan perdebaran hangat di dalam dan di luar parlimen Thai.

Ramai ahli parlimen dan tokoh-tokoh dalam masyarakat Thai telah membantah cadangan itu. Menurut seorang peguam, sekiranya langkah itu dilaksanakan ianya akan membebarkan lagi pelacur-pelacur kerana perbuatan rasuah mereka masih bermaharajalela di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai polis. Menurutnya lagi, dengan menghalalkan pelacuran, Kerajaan akan memainkan peranan sebagai ibu ayam yang utama.

Ramai rakyat Thai berpendapat bahawa punca masalah pelacuran di negeri itu ialah kemiskinan dan cara yang paling berkesan untuk mengatasinya ialah dengan membantikan kemiskinan. Cadangan supaya pelacur-pelacur Thai didaftarkan hanyalah merupakan satu muslihat untuk menghalalkan kegiatan pelacuran di negeri itu.

PROTEST

kami bukan robot robot
dari perkilangan agungmu
hanya kenal bikinanmu
tapi
kami manusia manusia
bisa mengenal
bisa merasa
bisa melihat
kehidupan sebenar
untuk itu
kami bicara
apa juarasa hati
walau
menentangmu sekalipun
kerana
kami adalah nadi rakyat.

DIN
ITM 1978

Anak Bangsaku

anak-anak bangsaku
di tanganmu masih berlumpur
jerit dan tangismu
ada telinga
tiada didengar
jerih dan penat lelahmu
dari subuh memijar
hingga senja jingga
pun ada mata.
tiada melihat
hari ini susu getahmu
berapa nilainya?
setitik peluhmu tidak
lebih mahal dari segelan minyak tanah.

airmatamu
keringatmu
nilainya
???????????

anak-anak bangsaku
menangis hiba di permatang
dari subuh bening
dan guntur berdentum
tiada turun hujan dari langit.

Gunung, Kelantan.
30 Sept. 1971.

Itu Untuk Hidup

Longgokan rotan berselerek
nyonya tua berbaju campang-camping
badan bengkok ke bawah
rotan yang baru diambil dari hutan rimba
diikat semua.

Rotan jedi satu ikatan rapat
letak atas bahu tubuh yang uzur nam kerdiik
gerakan sebelah tangan
hentakan kaki yang tak kenal lesu
menghebohkan alam yang sunyi
peda tika matahari terbenam
nyonya tua seorang sepi sendiri
Di sana, senak yang melingkari
liku-liku jalan
Hati nyonya cuma ingat;
tinggal berapa lorong?
untuk sesuap nasi
untuk perut yang belum diisi.

Mei Yong Lee
Johor Bahru

KAMI

Telah tiba zamannya
kami tak mahu seorangpun menentang
tidak juga kau
tidak perlu soal-soalan
kami ini kuasi gemilang
dari sumpah yang mesti datang
kami tetap akan bangun
meninggi mencapai bintang
kami kian lewat
kami mesti meluru
sedialah wahai manusia
tibanya zaman yang gemilang.

Zin Mahmud.

PERINDUSTRIAN

SINGKIR PENDUDUK DESA

FATIMAH DAUD, Pensyarah,
Jabatan Antropologi & Sosiologi,
Universiti Malaya:

Sejajar dengan dasar kerajaan untuk menyusun semula masyarakat, industri-industri yang dulunya hanya terdapat di bandar-bandar dan di Pantai Barat sahaja, kini sudah beralih ke kawasan luar bandar dan di Pantai Timur, Malaysia Barat. Penubuhan industri di luar bandar itu sekurang-kurangnya memberi rezeki kepada kaum nelayan dan petani. Mereka akan merasai pendapatan tetap tiap-tiap bulan. Ia juga dapat mengurangkan berlakunya penghijrah beliau desa ke bandar-bandar. Di satu pihak penubuhan industri di luar bandar ada juga baiknya.

Tetapi ditinjau di pihak yang lain ada pula kelemahannya. Di antaranya boleh dilihat dari kesan-kesan perindustrian ke atas penduduk sekelilingnya.

1. Kesan yang utama yang dirasai oleh penduduk sekelilingnya ialah rasa 'gelisah' kerana akan tiba masanya jika satu-satu perusahaan itu hendak dibesarkan dan diperluaskan lagi, maka mereka terpaksa berpindah kerana tanah dan rumah mereka akan diambil oleh pihak yang berkenaan. Masalah perpindahan itu tidak menjadi masalah berat bagi mereka jika dibandingkan dengan masalah yang berkaitan dengan perpindahan itu. Misalnya mereka berasa sayang dan berat untuk meninggalkan kampung halaman yang mereka warsi dari nenek moyang mereka sejak turun-temurun lagi. Bagi orang-orang kampung 'biar mati asal kampung halaman tidak tergadai'.

2. Di samping itu jika mereka ter-

paksa dipindahkan ke kawasan yang jauh dari tempat asal, mereka terpaksa pula mencari pekerjaan yang baru.

Petani dan nelayan yang tiada mempunyai kemahiran dan kelulusan menghadapi masalah besar apabila berpindah ke bandar-bandar. Misalnya kaum nelayan di Kemaman terpaksa berpindah ke bandar Cukai kerana kampung mereka akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk perusahaan petroleum.

3. Setengah-setengah penduduk yang berkenaan tidak diberi penjelasan yang terang tentang tempat tinggal mereka yang baru. Misalnya tentang hak milik ke atas tanah dan rumah yang akan mereka duduki nanti. Mereka bimbang jika mereka diberi tempat tinggal sementara sahaja kerana ini akan menimbulkan masalah lagi.

4. Memang benar penduduk-penduduk yang berkenaan akan dibayar gantirugi. Tetapi dari kajian beberapa orang pelajar Universiti Malaya ke atas penduduk-penduduk yang berkenaan, ternyata bayaran gantirugi itu tidak mencukupi untuk mereka membeli kawasan tapak rumah yang baru dan mendirikan rumah mereka. Misalnya bayaran gantirugi untuk 1 ekar ialah \$15,000/-. Tetapi dengan wang sebanyak itu mereka mengalami kesulitan untuk membeli satu ekar tanah yang sesuai untuk tapak rumah.

Oleh itu sebelum didirikan perusahaan di kawasan luar bandar, saya cadangkan perkara-perkara berikut:

1. Keutamaan hendaklah diberi kepada penduduk tempatan. Memang benar penduduk tempatan diberi peluang bekerja di industri-industri yang berkenaan, tetapi disebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran dan kelulusan yang sesuai, mereka diberi pekerjaan yang tidak mahir atau sebagai buruh kasar sahaja. Jalan yang baik untuk mengatasi masalah pekerjaan ini ialah dengan memberi latihan dan kursus untuk mereka menjadi buruh mahir. Dengan itu masa depan mereka lebih terjamin dibandingkan dengan bekerja sebagai buruh kasar dan kontrak.
2. Penerangan yang jelas tentang hak milik tanah dan tempat baru perlu diberikan supaya tidak timbul keraguan tentang masa dengan mereka. Dengan ini memberi peluang untuk mereka berfikir samada mahu berpindah ke kawasan yang dikhaskan oleh pihak berkenaan atau ke kawasan lain yang mereka pilih sendiri.
3. Bayaran gantirugi yang hendak diberikan sebaik-baiknya biarlah berpatutan. Tanah kampung mereka itu bukan sahaja mempunyai nilai-sentimen kepada mereka tetapi juga apabila didirikan industri ianya menjadi amat berharga sekali kerana ia akan menjadi kawasan bandar di kemudian hari. Lagi pula pihak kompeni yang bertaraf antarabangsa dan 'multinational' itu boleh dan mampu membuat bayaran yang tinggi untuk tapak kilang mereka.

Dengan itu adalah diharapkan supaya rancangan mahu mengindustrikan negara ini bukan sahaja boleh menambahkan pendapatan negara tetapi juga memberi rahmat kepada penduduk yang benar-benar terlibat. Mereka telah berkorban untuk negara dan sewajarnya mereka itu diutamakan. Semoga kekayaan negara ini tidak dibolot oleh satu-satu pihak saja.

siri kartun-sambungan dari bulan lepas

EROPAH 1917



PERBUALAN DIANTARA DUA ORANG PEKERJA :

- YA!

- TIDAK!

- YA!

TIDAK! KAMI TIDAK SANGGUP.
DI PERSODOKKAN LAGI OLEH SYAITAN-SYAITAN
INI. KAMI AKAN MENGHALAU KELUAR SEMUA
PEMERAS DAN PENINDAS SEKALI GUS,
SAPERTI MANA YANG TELAH DLAKUKAN
DI RUSIA.

SUDAH KAHT AWAK FIKIRKAN BAIK-BAIK.
APA YANG AWAK KATAKAN INI. AWAK
TARU APA AKIBAT REVOLUSI? FERTUMPAHAN
DARAH, KEGANASAN ... KITA MASIH
MEMPU NYAI JALAN LAIN YANG BOLEH KITA
AMBIL UNTUK MENGEBALIKAN KEDILAN
HAH! JALAN LAIN MACAM MANA?

SAPERTI MENGADAKAN PERBINCANGAN
DENGAN MATEKAN.

- MAKJUD AWAK DENGAN KAPITALIS?

- YA. KITA ADAKAN PERUNDINGAN
DENGAN MEREKA. KITA MENGALAH
SEDIKIT DAN MEREKA TENTU AKAN
MENGALAH

- BEKERJASAMA DENGAN PENGHISAP
DARAH! TAK MUNGKIN!

- NANTI LAH JAYA BELUM HABIS BERBICARA
KITA JALANKAN TIPI MUSLIHAT KEATAS
MEREKA. KITA AMBIL SECARA
BERPERNGKAT PERINGKAT. SEDIKIT DEMI
SEDIKIT, AKHIRNYA TENTU SEMUA SEKALI
AKAN MENJADI MILIK KITA JUGA SAPERTI
YANG TELAH BERLAKU DI RUSIA. ITU LAH
BEZANYA.

- TIDAK SEMUDAH ITU. AWAK PIKIR MEREKA
SEGODOH ITU MEMBIARKAN DIRI MEREKA
DI TIPU!

KENAIKTURUNAN PERNIAGAAN KAPITALIS :

1918

1920

PERANG DUNIA I BERAKHIR DENGAN KEKALAHAN JERMAN. KAPITALIS-KAPITALIS LAIN MENGAMBL ALIH SAJAHAN TAKLUK JERMAN



PERNIAGAAN
NEMUASKAN.

ENGLAND 1920
TUNJUK-TUNJUK PERASAAN.

JERMAN SELEPAS PERANG



PENGANGURAN. ASKAR-ASKAR MENGAWASI KEDAI DAN QEDUNG PERNIAGAAN BAGI MENCEQAH PARA PENGANGUR YANG LAPAR DARI MENCURI.

JERMAN 1923



WANG TIDAK SERNILAH. SEKETUL LOBAK DI PASAR BERHARGA 15 JUTA MARKS !

PERANCIS 1921



RUSUHAN SERTA
TUNJUK PERASAAN.

PERDAGANGAN
MEROSOT

1930

1935

PERNIAGAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT BERJALAN KALAU BEGINI. SESUATU TINDAKAN PERLU DIAMBIL SEGERA. KEADAAN PERNIAGAAN DI JERMAN JAUH LEBIH BURUK KERANA JERMAN TIDAK MEMPUNYAI TANAH JAJAHAN. MEREKA TAHU BAHWA MASALAH MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT DI SELESAIKAN SECARA DAMAI, LALU MEREKA MEMBERI SOKONGAN WANG RINGGIT KEPADA HITLER.

AMERIKA SYARIKAT
1929
13 JUTA DIBUANG KERJA.



SWEDEN 1931



ACKAR MENEMBAK GAMBARINI PEKERJA-PEKERJA MENUNTUKKAN DEMONSTRASI DI ADALEN. TUNJUK DI STOCKHOLM. 30 ORANG -TUNJUK PERASAAN PEKERJA TERPAESA DI BAWA MENJADI-JADI KE HOSPITAL SETELAH DI SELURUH NEGERI. DI SELARAH OLEH PASUKAN POLIS PENUNGGANG KUDA.



1932

IVAR KREUGER, SEORANG KAPITALIS SWEDEN YANG PALING AGUNG TELAH TIDAK DAPAT MENYELAMATKAN KILANG NYA DARI JATUH BANGKRAP. DIA KEMUDIAN NYA MEMBUNUH DIRI.



1933


HITLER MENJADI PEMIMPIN JERMAN. KILANG-KILANG MENGELUARKAN SENJATA SEBERAPA BANYAK YANG MAMPU. JERMAN MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK BERPERANG, DAN BEGITU JUGA NEGARA-NEGARA IMPERIALIS YANG LAIN. PERKEMBANGAN INI MEMBERI NYAWA KEPADA DUNIA PERNIAGAAN.

DALAM PERANG DUNIA II, JERMAN, JEPUN DAN ITALI
TELAH DI TEWASKAN. RUSIA MUNGIL SEBAGAI SALAH
SEBUAH NEGARA YANG MENANG.

MARI KITA LIHAT PERKEMBANGAN YANG TELAH BERLAKU.




RAKYAT RUSIA MERAMALKAN BAHWA
REVOLUSI AKAN TERSEBAR HINGGA KE SELURUH
BENNA EROPAH DAN MEREKA SUDAH BERSEDIA
UNTUK MEMBERI BANTUAN KEPADA PEKERJA.
PEKERJA DI SANA. BAJAKMĀNA PUN KERTASAMA
SOSIAL DEMOKRAT DENGAN KAPITALIS DI EROPAH
TELAH MENGHALANG KEMUNGKINAN INI.




KEBANYAKAN NEGERI PERTANIAN EROPAH
YANG SEDANG MEMBANGUN SUDAH
TERPISAH DARI RUSIA.



PETANI-PETANI CUSA MENQUSAHKAN TANAH
SUPAYA SEMUA ORANG MENDAPAT MAKANAN
TETAPI TANAMAN TIDAK MEMBERIKAN
HASIL YANG BAKI PADA MASA ITU DAN
MAKANAN TIDAK MENCUKUPI.



KEMUDIAN IMPERIALIS DATANG, MENYERANG
MEREKA MENQIRIMKAN AJEN DAN
PENGINTIP RAHSIA UNTUK BEKERTASAMA
DENGAN BEKAS-BEKAS KAPITALIS YANG
MEMUSUHI PARA PEKERJA. KEMUDIAN MEREKA
DI SERANG DARI LUAR DAN PADA MASA YANG
SAMPAULAH, PERANG BANDARA PUN MELETUS.
RAMAH RAKYAT RUSIA TELAH TERKORBAN.



RAKYAT BERGHENDAKAN MAKANAN DAN
DUQA SENJATA UNTUK MEMPERTAHANKAN
DIRI MEREKA. BANTUAN LUAR TIADA.

SEBUAH KILANG YANG CUKUP BESAR
ADALAH PERLU UNTUK MENGHASILKAN
SENJATA DAN ALAT-ALAT KEJENTERAAN
LADANG. SATUTINDAKAN SEGERA PERLU
DI AMBIL

•sambung bulan depan

UNTUK NUSA DAN BANGSA



K.D.N. 0080/80

399-A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.
Tel: 980044.

Cable: WATANIAH Kuala Lumpur
P.O. Box 2454

Konsep Kebudayaan ASEAN

(Dipetik dari ASIAWEEK)

Satu persidangan mengenai "Peranan Sasterawan Dalam Masyarakat Yang Sedang Berubah" telah diadakan di Manila pada bulan Jun lalu. Perkara yang menjadi perhatian para wakil di persidangan itu ialah soal bahasa dan identiti. Sastrowardoyo (dari Indonesia), dan Muhammad Hj. Salleh (dari Malaysia), kedua-duanya datang dari negara di mana bahasa kebangsaannya sudah diterima oleh rakyatnya, membangkitkan soal bahasa dan kesannya kepada persoalan identiti.

Sastrowardoyo berkata, "Dalam kesusasteraan Indonesia moden, seperti mana juga didapati di seluruh Asia, kami telah begitu biasa dengan cara persembahan dalam novel-novel sehingga kami telah lupa akan hakikat bahawa kami telah menirunya dari Barat. Novel sudah pun menjadi tradisi kami. Demikian juga halnya dengan puisi bebas; walaupun diperkenalkan hanya dalam tahun empat-puluhan, tetapi sekarang ia sudah menjadi sebahagian dari tradisi puisi kami. Penulis muda selalunya tidak tahu tentang asal-usul tradisi ini".



Muhammad Haji Salleh

Sambil mengakui bahawa ada aspek sastera yang dipinjam dari sumber-sumber asing yang lama kelamaan boleh diterima sebagai kepunyaan tempatan, beliau juga telah menegaskan akan perlunya para sasterawan menghindari diri dari kongkongan pengaruh Barat supaya mereka dapat mempersempbahkan hasil karya mereka sebagai anak jati.

"Saranan beliau ialah: Kalau dalam tiga darsawarsa sejak tahun duapuluhan kita berkiblat ke Eropah, maka sekarang kita patut ubah sikap dan menonjolkan keaslian kebudayaan kita sendiri."

Muhammad Hj. Salleh, yang mula menulis sajak dalam Bahasa Inggeris dan kemudiannya beralih kepada bahasa ibundanya, melafazkan pendapat yang sama, tetapi lebih bersemangat sedikit.

Beliau menerangkan bahawa puisi, Melayu asalnya berbentuk lisan seperti terdapat dalam syair dan hikayat. Tetapi, menurutnya, karya penulis Melayu sekarang ini tidak mengandungi unsur warisan ini yang melalui suara, lagu, muzik dan cerita boleh menyayat hati penonton.

Kesimpulan yang dibuat oleh Muhammad ialah "puisi sudah menjadi satu bentuk persembahan seorang individu tentang pendapatnya dan masalahnya. Di Malaysia, dan juga banyak negeri lain, masalah perkauman tidak lagi dibincangkan, sebab sasterawan telah memenculkan diri dalam dunia kecilnya. Mereka telah menerima hakikat bahawa mereka hanya bebas untuk menyuarakan keluhan batin mereka sahaja. Oleh itu, puisi Melayu sekarang ini lazimnya mengisahkan pergolakan dalam jiwa pencipta.

"Tetapi kesusasteraan Melayu zaman dulu tidak pernah menumpukan membangkitkan perhatian

kepada soal perasaan seseorang individu," katanya. Namun demikian, beliau menyatakan bahawa ia bukan seorang cauvinis. Pada pandangannya, pengaruh asing boleh menambahkan khazanah sastera asli, walaupun selalunya mereka mempunyai kecenderungan untuk menghilangkan sifat keaslian kebudayaan Asia.

Wakil dari Singapura, Edwin Thumboo, menumpukan perhatian penuhnya kepada masalah bahasa, mungkin kerana negaranya mempunyai empat aliran sastera yang berasingan — Melayu, Tamil, Cina dan Inggeris (bahasanya). Thumboo mengambil kesempatan di persidangan ini untuk menerangkan tesis kegemarannya, iaitu, sastera telah muncul dari masyarakat baru dan terus berkembang dengan dipengaruhi oleh semangat nasionalisma, oleh kerana kebanyakkan masyarakat baru ini wujud dalam abad duapuluhan, maka kita sedang menyaksikan sastera suatu negara bermekar dalam beberapa bahasa. Akhirnya, kita patut insaf bahawa identiti kebangsaan boleh diceminkan dalam berbagai bahasa.



Wakil Thai: Naowarat (pemenang Hadiah Penulis S.E.A. 1980)

Thumboo seterusnya berkata bahawa di Singapura bahasa Inggeris adalah penting sebab melaluiinya semua sastera dapat dipersembahkan ke dalam satu bahasa yang boleh difahami oleh semua. Menurutnya, terdapat banyak drama di Singapura di mana pelakon-pelakon terdiri dari berbilang kaum, bukan untuk hiasan semata-mata, tetapi sebagai isi yang penting kepada ceritanya.

Wakil-wakil dari Filipina pula bukan saja mempertahankan bahasa Inggeris, malah merendahkan peranan sastera asli. Wakil mereka yang terkena, Nick Joaquin, yang selalunya bercanggah dengan sasterawan generasi muda yang lebih nasionalis menyatakan bahawa Filipina hanya mempunyai

sastera dalam bahasa Sepanyol dan Inggeris sahaja kerana sastera dalam bahasa Tagalog hanya mula timbul tidak lama dulu.

Beliau seterusnya berhujah bahawa perbezaan terbesar antara penulis Inggeris dan penulis Tagalog bukanlah soal antara penulisan dalam bahasa asing atau bahasa tempatan, tetapi lebih dari segi penulis Tagalog bercakap kepada penontonnya, walhal penulis Inggeris menujuk kepada pembacanya. Menurutnya, sastera Tagalog masih berupa cerita penglipur lara, nyanyian dan sebutan, manakala sastera Inggeris pula ditujukan kepada mata dan bukan telinga.

Pendapat Joaquin terang-terang bercanggah dengan huraiannya

Muhammad Hj. Salleh, tetapi satu perbalahan yang agak hangat telah dielakkan sebab Joaquin sendiri tidak hadir dan kertaskerjanya telah diedar pada hari yang kedua.

Wakil-wakil dari Negeri Thai, yang paling muda dari segi umur, tidak menyentuh masalah bahasa dan identiti. Mereka lebih menumpu kepada masalah politik dan komitmen para sasterawan. Menurut mereka, sastera mesti meningkatkan lagi kesedaran politik dan sosial di kalangan rakyat supaya mereka dapat menentang ketidakadilan di dalam masyarakat.

Pendirian ini tidak menyenangkan para hadirin yang lain. Maka, dengan berdiam diri, mereka membiarkan masalah kusut ini tenggelam begitu sahaja. 

KARTINI: PENEROKA PERJUANGAN WANITA

Juriah Yahaya

Tanggal 21hb April setiap tahun tidak akan dibiarkan berlalu begitu sahaja oleh kaum wanita Indonesia. Lebih-lebih lagi dalam zaman kemerdekaan ini di mana kebebasan dan kemajuan (emansipasi) kaum wanita gigih diperjuangkan.

Raden Adjeng Kartini bukanlah wanita pertama yang meletakkan cita-cita dasar tersebut, namun telah diakui umum oleh bangsa Indonesia bahawa dia adalah perintisnya. Dia yang telah meletakkan asas pembinaan dan pembangunan perjuangan bangsa.

Raden Adjeng Kartini dilahirkan dalam bulan April tahun 1879 di Jepara, Jawa. Ayahnya adalah seorang bupati (ketua daerah), bernama R.M. Adiati Ario Sosroningrat. Meskipun kehidupannya adalah dalam lengkongan kaum bangsawan, namun ayah Kartini tergulung dalam kumpulan orang yang berfikiran maju dalam zamannya. Beliau adalah seorang

bupati yang dapat menulis dan membaca dalam bahasa Belanda, serta mendidik anak-anaknya dengan pelajaran dan pendidikan Barat.

Sebagai seorang tokoh pendidik, Kartini mempunyai sifat-sifat yang sangat menarik. Di dalam buku *Habis Gelap Timbul Terang* oleh Armin Pane, dia dilukiskan sebagai seekor burung garuda yang sayapnya terkulai, setelah cuba untuk mengepak-ngepak terbang di langit tinggi.

Mungkin lukisan ini ingin melukiskan perjuangan dan kenyataan hidupnya dalam usaha memperjuangkan nasib kaumnya, iaitu menegakkan darjah perjuangan wanita. Tetapi ternyata langkahnya dihalang oleh adat, kebiasaan, tradisi dan faktor sekeliling yang sampai saat ini pun masih belum mengizinkan.

Kartini adalah seorang puteri yang sangat mencintai ayah dan

semua anggota keluarganya. Ia tidak mahu melukakan perasaan mereka, terutama perasaan ayahnya sendiri. Dalam hal-hal tertentu, Kartini selalu meminta pertimbangan-pertimbangan dari ayahnya untuk menentukan sesuatu keputusan.

Ini bukanlah didorong oleh sesuatu, melainkan oleh rasa cintanya yang sangat mendalam kepada orang tua. Kecintaan ini terbukti dari surat-surat yang ditulis oleh Kartini kepada Estella Zeehandelaar, sahabatnya yang tinggal di negeri Belanda yang bertarikh 23hb Ogos dan 4hb Julai 1900.

"Ada yang sangat aku segani, Stella. Aku sangat sayang kepada ayah. Sampai saat aku menarik nafas yang penghabisan, aku tetap berterima kasih kepada ayah. Berterima kasih atas pendidikan yang telah diberikan olehnya kepadaku. Seorang buta yang telah dipulihkan penglihatannya

akan berterima kasih kepada orang yang telah memulihkan penglihatannya, meskipun bukarnilah sesuatu yang indah yang dapat dilihatnya."

Adat, tradisi dan kemunduran telah menjadi belenggu yang mustahil untuk dipatahkan. Namun begitu, Kartini sentiasa teguh terhadap cita-cita, tekad dan keyakinan yang luhur. Seluruh masa kehidupannya dihabiskan untuk mengkaji dan membentulkan kelemahan-kelemahan bangsanya.

Mengapa wanita tidak boleh belajar bersama lelaki? Mengapa wanita tidak boleh bekerja di luar rumah dan memegang jawatan penting dalam masyarakat? Mengapa mereka harus tunduk dan patuh dalam bidangnya yang terbatas hanya untuk mengurus rumah tangga, mengasuh anak-anak dan melayani suami sahaja?

Bagi Kartini, hal ini merupakan penderitaan yang meluluhkan hati sanubarinya. Ini adalah kerana tidak ada lagi kebebasan untuk

menuntut pengajaran dan pendidikan yang lebih baik sebagai asas pelajaran dalam mendidik anak-anak dan mengurus rumah tangga dengan lebih sempurna.

Wanita hidup dalam suasana yang terkongkong, tetapi dari hari ke hari, semangat dan cita-cita mereka bertambah membara. Mereka seharusnya tidaklah hanya bergantung kepada hanya satu jalan atau harapan sahaja. Sebaliknya, mereka mestilah juga dapat memangku dan berkecimpung dalam bidang-bidang yang lain.

Wanita memerlukan pendidikan dan pekerjaan di luar lingkungan rumah tangga. Pelajaran bukanlah semata-mata untuk kebebasan tetapi juga untuk menimbulkan ilham dan membuka pintu kesedaran dalam membangun serta membina kesejahteraan bangsa dan keluarga.

Kartini tahu cita-cita yang diingininya itu tidaklah mudah. Tetapi ia tidak mahu kehilangan kemerdekaannya yang satu itu, iaitu kebebasan untuk berjuang dan

maju. Kemahuannya yang tegas ini terlukis dalam suratnya yang bertarikh 23hb Ogos 1900.

"Aku harus dan mesti menuntut kebebasan, Stella. Aku mahukan-nya, Stella! Aku tidak akan mendapat bila aku tidak mencari. Tidak berjuang, tidak bakal menang. Aku akan berjuang, Stella. Aku hendak merebut kemerdekaanku. Aku tidak gentar terhadap kesukaran. Rasanya aku cukup kuat untuk mengalahkan itu semua!"

Sayang, Kartini telah tiada. Dia meninggal dalam usianya yang masih muda ketika melahirkan anaknya yang sulung. Ketika itu ia berusia dua puluh lima tahun.

Namun cita-cita, kegiatan dan penat lelahnya dalam mengujudkan dasar-dasar persamaan hak bagi kaum wanita di zaman penjajahan tidaklah kecil. Kini, semangat itu semakin mendesak diperlukan dalam membangun cita-cita bangsa di alam pembangunan dewasa ini. **NI**

buku

VRAUWEN VAN INDONESIA: STRIJID OM HET BESTAAN

(*Wanita Indonesia: Perjuangan Untuk Hidup*)

Robert Tan

Penerbit: Kumpulan Wanita, Jawatankuasa Orang Belanda Indonesia
1980 Minahasastraat 1, Amsterdam 1094 RS. 94 muka.

Harga: 10 guilders (ditambah belanja pos)

*Puan Otih (25 tahun), Mah Itah (45 tahun) dan Puan Onah (25 tahun) adalah buruh tanah. Bila wartawan *Pikiran Rakyat* menemui mereka untuk bertanyakan apakah erti Hari Kartini kepada mereka, mereka sedang mengcangkul tanah kepunyaan seorang doktor. "Kami tidak begitu faham apakah erti pembebasan. Jika ia bermakna membuat kerja-kerja yang sama dengan orang lelaki, maka barangkali kami kini sudah berkebebasan. Yang mendukacitakan kami ialah kami diberi upah yang berbeza, hanya separuh daripada apa yang dibayar kepada orang lelaki." (Pikiran Rakyat 21hb April 1979)*

21hb April dirayakan pada setiap tahun sebagai Hari Kartini bagi memperingati wanita yang dilahirkan lebih dari seratus tahun yang lalu dalam masyarakat

feudal Jawa. Dalam usianya yang pendek dia telah melawan rintangan-rintangan yang dikenakan oleh masyarakatnya pada masa itu keatas wanita serta memperjuangkan

hak wanita untuk mendapat pelajaran sepenuhnya.

Hari ini, perayaan Hari Kartini telah menjadi hak istimewa kepada pertumbuhan wanita yang mesti

memenuhi prinsip bahawa wanita hanya boleh bergiat sebagai isteri, isteri pegawai tentera, isteri pegawai keretapi atau isteri pegawai-pegawai di jabatan-jabatan lain. Matlamat pertubuhan-pertubuhan ini mestilah seperti apa yang ditetapkan oleh pemimpin-pemimpin tentera Indonesia — iaitu tugas wanita adalah untuk menjadi isteri dan ibu yang berdidikasi. Dengan berbuat demikian mereka telah mengkhianati cita-cita Kartini yang sebenarnya.

Hasil dari penyelidikan yang rapi, Kumpulan Wanita dari Jawatankuasa Orang Belanda Indonesia telah mengeluarkan sebuah buku yang mendedahkan pemalsuan ini. Di samping itu, buku ini juga mengandungi bahan-bahan yang banyak mengenai keadaan wanita Indonesia pada hari ini.

Bab pertama, dari mana cabutan diatas dipetik, memberi satu pengertian tentang sikap memandang rendah terhadap kaum wanita yang terdapat di kalangan beberapa gulungan suku-bangsa di Indonesia. Dewasa ini, buku-buku teks sekolah di Indonesia telah memperkuuhkan lagi gambaran ini dengan latihan bacaan dan gambar-gambar seperti berikut:

Salah satu bab dalam buku ini menggambarkan pengalaman pahit yang dialami oleh penari-penari Bali. Ianya dipersembahkan dalam bentuk seperti mana yang diceritakan sendiri oleh seorang penari Bali. Kisahnya adalah mengenai penderitaan seorang anak gadis yang terpaksa menjadi seorang penari: Kisah tentang cara-cara latihan yang teruk yang terpaksa

dijalaninya sepanjang hari; tentang bagaimana ia melayani gurunya dengan cara-cara yang sungguh menghinakan; dan kisah bagaimana keluarganya meninggalkannya kepada gurunya untuk diperlakukan mengikut kehendak gurunya itu. Oleh itu, apabila para pembaca mempunyai peluang untuk menonton persembahan tarian Bali, cubalah renungkan sejenak pengalaman pahit yang dialami oleh penari-penari itu.

Buku ini juga mengandungi bahan-bahan yang menunjukkan kesan polisi ekonomi semasa keatas peluang-peluang pekerjaan untuk kaum wanita, terutamanya mereka yang duduk di luar bandar. Kemelesetan perusahaan kecil, yang menggunakan buruh secara intensif, serta pengenalan sabit dan penggunaan jentera dalam proses yang bersangkut paut dengan penuaan dan pemerosesan padi telah mengurangkan peluang pekerjaan untuk kaum wanita. Di masa lalu, kegiatan-kegiatan ini merupakan sumber kehidupan yang penting kepada wanita. Kemusnahannya telah menyebabkan ramai dari wanita ini yang terpaksa berhijrah ke bandar-bandar besar, di mana hanya kerja-kerja sebagai amah atau pelacur sahaja yang menanti mereka. Pada ketika ini, kira-kira 50 peratus daripada orang yang berpindah dari desa ke bandar-bandar besar adalah terdiri dari kaum wanita. Salah satu dari sebilangan kecil sektor dalam perusahaan moden yang menyediakan peluang pekerjaan kepada kaum wanita ialah perusahaan lektronik dimana

mereka terpaksa melakukan kerja-kerja yang menjemu serta merosakkan mata mereka. Di samping itu, gaji yang mereka terima adalah kecil dan mereka tidak diberi hak untuk berkesatuan.

Bab yang asli dan mengandungi hasil penyelidikan yang baik ialah bab yang membincangkan masalah pelacuran. Ia menerangkan bagaimana pelacuran di jalankan secara tradisional oleh kumpulan penari Jawa yang berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Ia juga mengandungi banyak bahan mengenai pelacuran di hotel yang di majukan pada masa kini oleh tokoh-tokoh order baru seperti Ibnu Sutowo, bekas Presiden-Pengarah Syarikat Minyak Negara, Pertamina.

Ia juga memberi keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan penindasan ke atas pelacur-pelacur tepi jalan dan di rumah pelacuran. Untuk menunjukkan dengan jelas sikap kepura-puraan yang wujud dalam masyarakat Indonesia kini, penulis bab ini menarik perhatian pembaca bahawa istilah yang "sopan" untuk pelacur di Indonesia pada masa ini ialah W.T.S., iaitu singkatan kepada *wanita tuna susila* yang bererti "wanita yang tidak bermoral."

Kepada pembaca yang boleh memahami bahasa Belanda, buku ini merupakan satu dokumen yang sangat bernilai. Kepada sesiapa yang berminat atas isu-isu wanita pula maka amatlah baik jika mereka dapat menerbitkan semua atau sebahagian daripada bab buku ini dalam bahasa-bahasa lain. **NI**

- ibu bekerja
- ibu bekerja di dapur
- ibu memasak
- ibu memasak untuk ayah
- ibu memasak untuk edi
- ibu memasak untuk ani
- ibu memasak untuk ita
- ibu memasak untuk keluarga



- ayah bekerja
- ayah bekerja di pejabat
- ayah bekerja untuk ibu
- ayah bekerja untuk edi
- ayah bekerja untuk ani
- ayah bekerja untuk ita
- ayah bekerja untuk keluarga

**PERJUANGAN SUKU NAGA!
KARYA RENDRA
DIPENTASKAN**
Wira Jaya

Pada penghujung bulan September, drama *Perjuangan Suku Naga* (PSN) karya W.S. Rendra yang diharamkan di Indonesia telah dipentaskan buat kali pertama dalam Bahasa Inggeris di Asia Tenggara. Alangkah anihnya karya asal dalam Bahasa Indonesia tidak pernah diterbitkan atau dipentaskan di luar Indonesia, sedangkan karya terjemahan pula yang sampai kepada kita.

Pementasan *The Struggle of the Naga Tribe* oleh Karen Kraal di bawah naungan MACLALS di Teater Eksperimen di Universiti Malaya merupakan perkembangan baik dari beberapa segi. Antara lain, ini merupakan kali pertama golongan seniman berpendidikan Inggeris pernah cuba mementaskan drama Indonesia moden.

Selama ini, kebanyakan mereka begitu terkagum dengan drama Barat, sedangkan karya-karya Asia, Afrika atau Amerika Latin jarang diberi perhatian sewajarnya. Pilihan saudari pengarah harus dipuji dari segi ini, lagipun kerana PSN merupakan drama sosial yang memihak kepada rakyat jelata.

Pada hemat saya, salah cara baik untuk menggalakkan usaha-usaha demikian adalah dengan memberi teguran-teguran yang membina. Kritikan boleh disampaikan pada beberapa peringkat tetapi di sini saya hanya ingin menumpu perhatian kepada aspek-aspek terpilih mengenai karya Rendra serta masalah-masalah tertentu pementasan berkenaan.

Secara ringkas, PSN cuba menggambarkan jurang perbezaan antara golongan elit berkuasa di kota — yang tamak dari segi ekonomi dan cetek dari segi nilai — dan masyarakat desa yang sempurna, dari segi hubungan antara insan dan juga dari segi hubungan antara manusia dan alam.



Rendra

Masalah Pementasan

Karya Rendra bukan dikarang untuk penonton elit atau kelas menengah di kota tetapi adalah untuk rakyat jelata, terutama sekali mereka yang menghargai budaya asli. Maka, Rendra telah menggunakan dalang sebagai penyambung dan narrator, dan juga untuk menekankan utusan sebalik cerita bagi penonton yang kurang faham.

Tetapi kegunaan teknik ini sepenuhnya dalam pementasan Bahasa Inggeris untuk penonton elit dan menengah yang menganggap dirinya *sophisticated* adalah kurang sesuai.

Oleh kerana pengubahsuaikan cara Rendra ini untuk *audience* berkenaan tidak dilakukan, maka timbulah dakwaan bahawa drama itu bersifat propaganda.

Pengubahsuaian yang wajar harus dilakukan supaya *audience* boleh mendapat maksud asal pengarang mengikut tafsiran si pengarah. Demi tujuan ini, perubahan-perubahan tertentu telah dibuat dengan berkesan, misalnya "Kenny accent" (sepautnya "Kenny Hill") telah menggantikan "logat Menteng" dalam karya asal, (Menteng merupakan kawasan golongan atasan di Jakarta). Tetapi dalam konteks kita, tidakkah "colonial accent" atau "London accent" lebih berkesan dari "Kenny accent."

Begitu juga, *bushjacket* lebih merupakan tanda golongan pemerintah dari *sunglass*. Pada satu ketika, presiden parlimen mengatakan bahawa dia telah jadi *functional*. Ini tidak bermakna

dalam Bahasa Inggeris di luar Indonesia tetapi penuh bermakna di Indonesia di mana parti pemerintah ialah Golkar atau Golongan Karyawan (*Functional Group*).

Pengabaian dari segi pengubahsuaian merupakan salah satu kelemahan dalam pementasan PSN tetapi sebaliknya perubahan yang sewenang-wenang juga merbahaya. Kuasa asing utama yang menguasai Indonesia adalah Amerika Syarikat tetapi perlakuan duta AS oleh Maho Maniam memperlok-lokkan kaum kulit hitam di AS dan akhirnya mengelirukan maksud Rendra mendedahkan pengaruh kuasa asing.

Usaha kita menghargai budaya-budaya tertentu tidak patut berdasarkan khayalan. Karya Rendra diilhami oleh budaya Jawa tetapi pementasan di Universiti Malaya itu bermula dengan tarian Bali. Dengan cara ini orang yang mementaskan drama itu secara tidak langsung telah menjadikan persembahan itu semacam persembahan *exotic* atau ganjil, yang asing dari *audiencenya*.

Kelemahan Rendra

Pada tahun 60an, Rendra dianggap sebagai penyair dan seniman liberal yang membela Manifesto Kebudayaan atau Manikebu yang membantah garis *seni terlibat* serta *seni untuk rakyat*, yang mendapat sambutan baik pada pemerintahan Sukarno (lihat NI 29).

Pada awal tahun 70an, Rendra mula mengaitkan seninya soal-soal masyarakat dan PSN sebenarnya merupakan salah satu karya awalnya ke arah ini. Perubahan Rendra ini — yang mungkin dinafikannya sendiri — patut dipuji.

Falsafah Rendra mengenai peranan cerdikpandai dalam perkembangan masyarakat dan juga mengenai jenis serta sifat masyarakat yang harus ujud menonjot dalam karya PSN, dan pada hemat saya, adalah elitus dari satu segi dan *naive* (sambungan muka 40)

SETINGGAN' TIADA MODAL:
Komidi Aziz Satar Sungguh Sedih
 Wira Jaya



Dalam perkembangan seorang seniman, kita sentiasa mengharapkan kemajuan — daripada taraf yang kurang baik kepada taraf yang lebih baik. Komidi *Penyamun Tarbus* karya Aziz Satar jauh dari sempurna tetapi setelah menontonnya saya terfikir: "Tentunya usahanya yang akan datang lebih baik." Dan saya ingin menegaskan bahawa harapan itu bukanlah sebab *Penyamun Tarbus* begitu buruk sehingga tiada jalan lain selepasnya kecuali ke arah kemajuan.

Saya mengaku saya tersilap Aziz Satar telah membuktikan bahawa harapan saya itu berdasarkan impian semata-mata. Filemnya terbaru yang bertajuk *Setinggan* patut menjadi sebuah komidi menarik yang menyentuh masalah masyarakat kota yang utama.

Terdapat banyak segi kehidupan golongan sosial ini yang boleh dijadikan bahan lucu yang menggambarkan keadaan sebenar yang dialami mereka — masalah-masalah bekalan api atau elektrik,

bekalan air paip, banjir, kebakaran, kekotoran dan seterusnya.

Terdapat ciri istimewa yang membezakan para setinggan dari golongan-golongan sosial lain; sifat-sifat ini juga dapat dijadikan modal untuk sebuah komidi.

Kalau si pembikin filem tidak pernah mengalaminya sendiri, dia patut cuba mengalaminya sendiri dahulu, atau sekurang-kurangnya, dia patut menyiasat sebelum menyediakan skrip dan lakunlayar, jangan lagi cuba mengarah filem berkenaan. Nampaknya, Aziz Satar tidak membuat demikian — entah atas alasan apa.

Maka, dengan bahan yang mungkin mencukupi untuk membikin komidi setengah jam serta modal kewangan untuk dua jam, dia telah menghasilkan *Setinggan* sepanjang lebih kurang 100 minit, yang saya rasai seperti 3 jam!

Untuk memanjang filem ini. Cik Aziz telah menambah sebuah cerita hantu — yang tak kena — serta suatu iklan kedai solek

(Apakah tuan punyanya — atau puan punyanya — telah membayar penerbit filem berkenaan untuk masa iklan itu? Mungkin ini merupakan cara baru untuk mengurangkan belanja pembikinan filem.)

Tidak payahlah saya cuba huraiakan cerita *Setinggan* — saya rasa Cik Aziz sendiri tidak pedulikannya. Lagipun sebenarnya, saya sendiri kurang faham dan kalau ada sesiapa yang faham, tolong hantarkan ringkasan cerita *Setinggan* kepada NI — saya akan hadiahkan langganan NI untuk 6 bulan kepadanya.

Masalah mutu tidak patut diatas dengan mengenakan kawalan rapi oleh pihak pemerintah atau mana-mana pihak lain — seperti pernah dicadangkan. Para penonton serta peminat filem Melayu sendiri patut membantu usaha ini melalui tindakan masing-masing yang paling berkesan, iaitu, boikot atau penciklan filem buruk dan suarakan ketidakpuasan dan kekeciwaan kita dengan cara-cara lain.

dari segi lain.

Dalam PSN, seorang mahasiswa yang juga merupakan anak ketua suku Naga menjadi hero. Hero-hero sampingan termasuklah ayahnya dan kawannya, seorang wartawan asing. Orang atasan yang memihak kepada rakyat harus dipuji tetapi apakah orang-orang macam ini yang patut diharapkan untuk mencapai kemajuan. Bahaya mengganti suatu elit dengan elit lain tidak disentuh oleh Rendra juga.

Pada zaman moden ini, usaha untuk menghargai dan menghormati tradisi, terutama sekali unsur-

unsurnya yang baik, adalah wajar memandangkan kecenderungan menolak segala yang tradisional atas alasan ia bertentangan dengan kemajuan. Walau bagaimanapun, usaha demikian sepertutnya tidak melampaui sehingga seluruh tradisi dipujakan.

Nampaknya, PSN karya Rendra memuja masyarakat Naga yang mewakili masyarakat tradisional yang sempurna. Tetapi sebenarnya, semua masyarakat masakini sudah terkongkong oleh sistem kapitalis antarabangsa dan tiada masyarakat yang benar-benar tradisional lagi.

Dalam mengikuti arus zaman, kita harus menoleh ke belakang demi mempelajari ajaran-ajaran sejarah, termasuk unsur-unsur masyarakat tradisional yang murni. Tetapi nampaknya, Rendra ingin membawa kita kembali ke suatu zaman sempurna yang mungkin tidak pernah ujud. Seorang seniman boleh tinggal atas awan khayalan tetapi rakyat jelata akan sentiasa maju ke depan atas bumi. Dan seorang seniman hanya dapat tolong memandu gerakan massa ini apabila dia juga memijak atas bumi.



R. COBB

sungai mekong

1 sungai mekong
kupilih namamu
kerana aku begitu sepi
kan kubenamkan dadaku
ke dasarmu
kaki kamanku ke bulan
kaki kiriku ke matari
kan Kuhanyutkan hatiku
ke kalimu
namaku ke muara
suaraku ke gunung

2 sungai mekong
nafasmu begitu tereng
lengangmu begitu lapang
di tengahmu
ada ibu bersuara sayu
mencari suara puteranya yang hilang
waktu ia merebah di wajahnya
ke wajahmu
kau masih bisa senyum sejuk

3 sungai mekong
kuhuihat
kuntum-kuntuman berdarah
batu-batu luka
malam ini
ribut dari utara akan tiba
tebingmu akan pecah
airmu akan merah
dan arusmu akan lebih keras
dari niagara

Latiff Mohidin
Vientiane 1 february 1966